



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP WARISAN KESENIAN  
GENDANG PAHANG**

NOOR FATIN HANANI BT MOHD GHAZALI

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the 9 day of June, 2016.

**Student's Declaration:**

I NOOR FATIN HANANI BT MOHD GHAZALI, 42754, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitle **PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP WARISAN KESENIAN GENDANG PAHANG** is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other source except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text nor has any part been written for me by another person.

24 June 2016

Date submitted



NOOR FATIN HANANI BINTI MOHD  
GHAZALI (42754)

**Supervisor's Declaration:**

I PROF. MADYA DR. NORIA ANAK TUGANG hereby certifies that the work entitled **PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP WARISAN KESENIAN GENDANG PAHANG** was prepared by the above named student and was submitted to the "FACULTY" as a\* partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by :



date: 24 June 2016

(Prof. Madya Dr. Noria Anak Tugang)


I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972\*)
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)\*
- OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copied for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student Signature:   
(Noor Fatin Hanani Bt Mohd Ghazali)

Supervisor Signature:   
(Prof. Madya Dr. Noria Anak Tugang)

Current Address:

NO.25 LORONG TMJ 7, TAMAN MARAN JAYA, 26500 MARAN PAHANG DARUL  
MAKMUR.

Note\* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reason of confidentiality and restriction.

Catatan :\* Tesis dimaksudkan tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

## **PENGHARGAAN**

Segala pujian hanya bagi Allah Subhanallah Wataala  
Assalamaualaikumu Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan projek tahun akhir dengan sempurna mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak ternilai kepada penyelia projek tahun akhir saya iaitu Prof. Madya Dr. Noria Tugang yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan membimbing hasil projek tahun akhir saya dengan penuh kesabaran dan nasihat serta dorongan sehingga saya dapat menyiapkan projek ini dengan baik.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua informan yang banyak membantu dalam memberi maklumat yang betul tentang warisan kesenian gendang Pahang. Seterusnya sekalung penghargaan kepada responden yang telah memberi kerjasama dalam menjawab segala persoalan yang telah diedarkan dalam soal selidik tersebut.

Di sini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang sering membantu dalam mengeluarkan dana kepada saya dalam proses menyiapkan projek ini. Seterusnya tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam memberikan semangat sepanjang projek ini dijalankan.

Akhir sekali, jutaan penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga Allah SWT sahaja yang dapat membalas budi baik yang telah diberikan.

Sekian terima kasih

**Abstrak**

Penyelidikan ini mengenai persepsi masyarakat tentang Warisan Kesenian Gendang Pahang. Pengumpulan data dilakukan dengan menemubual beberapa orang yang mahir bermain gendang dan mengetahui selok belok permainan gendang. Terdapat pelbagai persepsi yang dilontarkan kerana berlakunya perbezaan pendapat setiap individu. Oleh itu, melalui persepsi tersebut telah menarik minat pengkaji mengetahui persepsi masyarakat setempat. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat membantu dalam mengenalpasti persepsi masyarakat tentang warisan kesenian gendang Pahang agar dapat membantu masyarakat bergiat dalam warisan kesenian terutamanya warisan kesenian gendang Pahang.

**Abstract**

*This research on community's perception on Warisan Kesenian Gendang Pahang. Data collection carried out by interviewing a few people that are skilled play drum and know the drum game ins and outs. There are various perceptions threw because the occurrence of differences of views every individual. Therefore, through the perception attracted researcher's attention know local community perception. Overall, this study can help in identifying community's perception on Pahang drum arts heritage so that could help society active in arts heritage especially Pahang drum arts heritage.*

## ISI KANDUNGAN

### **Bab 1 Pendahuluan**

1.1 Pengenalan.....	3
1.2 Permasalahan Kajian.....	4
1.3 Objektif Kajian .....	5
1.4 Persoalan Kajian .....	6
1.5 Lokasi Kajian .....	7-9
1.6 Skop Kajian .....	10
1.7 Batasan Kajian .....	11-12
1.8 Kerangka Konseptual.....	13-14
1.9 Kepentingan Kajian .....	14-16
1.10 Masalah Yang Dihadapi Semasa Kajian Dijalankan.....	16-17

### **Bab 2 Sorotan Kajian**

2.1 Pengenalan.....	18
2.2 Kajian Terdahulu.....	19-31
2.4 Rumusan .....	32

**Bab 3 Metodologi Kajian**

3.1 Pengenalan .....33  
3.2 Kaedah Keperpustakaan..... 34-47

**Bab 4 Analisis dan Dapatan Kajian**

4.1 Pengenalan.....48  
4.2 Analisis data.....48-72  
4.3 Perbincangan dan Dapatan Kajian .....73-77  
4.4 Rumusan.....77

**Bab 5 Cadangan dan Kesimpulan**

5.1 Kesimpulan .....78  
5.2 Cadangan.....79  
5.3 Rujukan.....80-83  
5.4 Lampiran.....83-88

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Dalam bab pengenalan ini, penyelidik menceritakan tentang kajian yang sedang dijalankan iaitu persepsi masyarakat terhadap kesenian Gendang Pahang serta perkara yang sering berkait dengan Kesenian gendang Pahang. Hal ini kerana, seni Gendang Pahang merupakan salah satu alat muzik yang sering dimainkan pada zaman dahulu dan kian pupus dek kerana arus pemodenan kini.

Penyelidik juga ingin mengkaji tentang kewujudan Kesenian Gendang Pahang kerana terdapat unsur kesenian yang perlu diwarisi dan dijaga oleh masyarakat kini. Selain itu, memandangkan terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kepupusan kesenian Gendang Pahang ini, penyelidik tertarik untuk mengkaji dengan lebih lanjut tentang bagaimana rupa serta cara Gendang Pahang dijaga dan digunakan oleh masyarakat terdahulu dan pengejalan yang dibuat oleh masyarakat kini.

Melalui bab ini juga penyelidik mengkaji semua aspek yang melibatkan skop kajian semasa kajian ini dijalankan. Pada kebiasaannya Gendang merupakan alat permainan yang dimainkan untuk hiburan dan juga dimainkan di setiap majlis adat istiadat diraja. Namun begitu, terdapat jenis tingkah lagu gendang yang perlu diketahui untuk dimainkan di dalam sesebuah majlis yang berbeza. Selain itu, Gendang Pahang tidak hanya terhad kepada lelaki sahaja malah golongan wanita juga turut digalakkan untuk bermain Gendang Pahang. Terdapat tiga alatan utama Gendang Pahang iaitu gong, gendang ibu dan gendang anak.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Melalui Kajian ini, penyelidik mendapati bahawa terdapat pelbagai permasalahan yang timbul dalam mengekalkan seni Gendang Pahang kepada masyarakat kini. Namun begitu, dengan adanya permasalahan dalam kajian ini, penyelidik dapat mengenalpasti masalah dan merungkai setiap masalah tersebut.

I. Mengetahui pandangan masyarakat tentang keunikan Gendang Pahang. Kerana tidak semua penduduk di Pahang mengetahui tentang keunikan Gendang Pahang. Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai pernyataan masalah ini pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik bagi menjawab persoalan tersebut.

II. Perubahan kegunaan Gendang Pahang pada zaman dahulu dan kini. Pengkaji telah membuat pemerhatian ke atas penduduk sekitar Jerantut dan Maran. Setiap penduduk yang tinggal di kawasan lebih memilih untuk mendekati alatan muzik yang lebih moden kerana mengikut peredaran masa.

III. Kurangnya usaha dalam meningkatkan kesenian Gendang Pahang. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor yang disebabkan oleh masyarakat itu sendiri seperti tidak mengkaji tentang kewujudan Gendang Pahang di tempat mereka. Pengkaji akan melihat dari pelbagai sudut antaranya kemudahan yang disediakan, aktiviti yang terdapat di kawasan tersebut dan peninggalan sejarah yang terdapat disitu.

Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada penduduk di daerah Jerantut dan Maran. Penilaian yang diberikan adalah berbeza daripada persepsi setiap penduduk di situ.

### **1.3 Objektif Kajian**

Melalui objektif kajian pula, penyelidik ingin menyelidik bagaimana untuk menangani masalah yang dihadapi dalam mengkaji persepsi masyarakat terhadap kesenian Gendang Pahang. Antara objektif kajian ini ialah :

**1.2.1** Untuk mengenalpasti pandangan masyarakat terhadap keunikan Gendang Pahang.

**1.2.2** Untuk mencadangkan penambahbaikan dalam usaha meningkatkan warisan kesenian Gendang Pahang dalam masa yang panjang.

**1.2.3** Untuk meneliti faktor yang membawa kepada perubahan penggunaan Gendang Pahang pada masa kini.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan yang telah dikemukakan oleh penyelidik. Persoalan ini timbul selepas penyelidik membuat pemerhatian terhadap kawasan kajian. Oleh itu, wujudnya persoalan selepas membuat pemerhatian oleh penyelidik itu sendiri.

Persoalan pertama yang telah dikaji oleh pengkaji adalah bagaimana pandangan masyarakat tentang keunikan gendang Pahang adakah mereka mengetahui dengan lebih jelas tentang warisan kesenian Gendang Pahang.

Ini kerana tidak semua masyarakat di kawasan tersebut mengetahui tentang Gendang Pahang. Hasil dari pemerhatian pengkaji semasa di tempat kajian, pengkaji telah mendapati bahawa penduduk di kawasan tersebut masih tidak mengetahui dengan lebih jelas tentang Warisan Kesenian Gendang Pahang.

Seterusnya, persoalan yang timbul dalam kajian ini adalah perbezaan kegunaan Gendang Pahang pada zaman dahulu dan kini. Penyelidik telah melihat kegunaan Gendang Pahang dahulu dan kini.

Persoalan yang terakhir adalah bagaimana cara bagi mengekalkan Warisan Kesenian Gendang Pahang di negeri Pahang seterusnya berkembang ke peringkat yang lebih tinggi.

## 1.4 Lokasi Kajian



### 1.5.1 Peta Negeri Pahang

Lokasi kajian yang dikaji ialah di daerah Jerantut, Maran, Jengka iaitu daerah-daerah yang terletak di dalam negeri Pahang. Hal ini kerana, di daerah tersebut masih terdapat seni Gendang Pahang yang masih wujud walaupun tidak ramai yang mengetahuinya. Namun begitu, di daerah lain juga masih terdapat organisasi yang memainkan Gendang Pahang ini seperti di Chenor, Bera, Raub dan Pekan.

### 1.4.1 Daerah Maran

Asal-usul Daerah Maran menurut sumber yang terdapat di arkib simpanan Majlis Daerah Maran ialah dengan bermulanya pemilihan nama daerah Maran. Nama Maran berasal dari nama sebuah sungai kecil yang mengalir dari Hulu Teladas ke Ulu Kampung Luit. Namun begitu, menurut cerita dari seorang batin orang asli yang tinggal di daerah Maran itu sendiri yang bernama Batin Tawang bin Isa yang tinggal di Kampung Merbau berhampiran Kampung Serengkam, nama Maran itu berasal dari cerita dahulu kala dimana kira-kira tujuh orang asli sedang bermalam ditepi sebuah sungai yang dikenali sebagai sungai Maran pada masa kini.

Semasa mereka tidur, mereka telah dikejutkan oleh satu lembaga yang dikatakan jelmaan harimau jadian. Enam dari orang asli itu berjaya melarikan diri dan meninggalkan seorang dari sahabatnya bersama-sama dengan lembaga itu. Tetapi lembaga itu tidak mengapa-apakan orang asli tersebut tetapi membahasakan dirinya sebagai 'Maran' atau 'Sahabat' serta menyuruh orang asli tadi menuruti sahabat mereka semula dengan menyusur sungai. Dalam perjalanan menyusur sungai inilah orang asli tadi menggelarkan sungai itu dengan nama Sungai Maran.

### 1.4.2 Keluasan Daerah Maran

<b>Daerah</b>	<b>1,995,59 km persegi</b>
<b>Mukim Luit</b>	<b>587.93 km persegi</b>
<b>Mukim Bukit Segumpal</b>	<b>90.65 km persegi</b>
<b>Mukim Chenor</b>	<b>1,169.38 km persegi</b>
<b>Mukim Kertau</b>	<b>147.63 km persegi</b>



#### 1.4.2 Bandar Jerantut Awal 1960an

Pada awalnya, daerah Jerantut hanya mempunyai 2 deret buah rumah kedai yang dibangunkan di tengah-tengah daerah Jerantut yang berhampiran dengan Stesen Keretapi yang dibina pada awal 1922 iaitu keretapi Pantai Timur yang menjadi laluan pada masa kini. Namun setelah zaman kian moden dengan arus pembangunan yang bergerak laju, Bandar Jerantut telah dijadikan daerah penuh pada tahun 1957 iaitu pada 31 Ogos bersamaan tarikh keramat bagi Negara Malaysia kerana merupakan hari Kemerdekaan Malaysia yang pertama. Maka bermulalah daerah Jerantut dengan 10 buah mukim iaitu Pedah, Ulu Tembeling, Ulu Cheka, Kuala Tembeling, Tembeling Tengah, The, Kelola, Tebing Tinggi, Purau dan Air Tawar.

Menurut kisah asal-usul nama daerah Jerantut ialah berdasarkan cerita zaman dahulu kala dimana asal nama Jerantut dikaitkan dengan cara orang kampung mendapatkan hasil buruan dengan cara menghalau buruan mereka ke jeram dan apabila mereka sampai ke jeram mereka akan bertanya sesama mereka dimana buruan itu? Lalu mereka akan menjawab “Jeram tu” maka lama kelamaan kekal nama Jerantut sebagai nama daerah Jerantut sehingga kini.

## **1.5 Skop Kajian**

Pengkaji telah menjalankan kajian mengenai “Persepsi Masyarakat Terhadap Warisan Kesenian Gendang Pahang”. Penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik telah melihat sudut pandangan penduduk yang tinggal di daerah yang terdapat di negeri Pahang dan mendengar cadangan yang diberikan oleh penduduk untuk memajukan lagi warisan Kesenian Gendang Pahang. Melalui kajian tersebut penyelidik telah membuat penganalisa pandangan setiap penduduk yang tinggal di kawasan tersebut terhadap Warisan Kesenian Gendang Pahang.

Selain itu, skop kajian penyelidik juga tertumpu kepada mengenalpasti jenis gendang dan strategi mengekalkan warisan kesenian Gendang Pahang. Seterusnya, penyelidik mengkaji bagaimana untuk menarik minat masyarakat kini bergiat aktif dalam mengekalkan warisan kesenian Gendang Pahang ini.

### **1.5.1 Skop Kawasan Kajian**

Pengkaji memilih daerah Jerantut di negeri Pahang sebagai kawasan untuk menjalankan kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik. Oleh itu, pengkaji telah membuat penyelidikan di kawasan tersebut kerana ia mempunyai ciri-ciri kesenian warisan yang masih kekal di negeri Pahang. Daerah Jerantut bersesuaian dengan objektif kajian yang telah dirangka oleh penyelidik pada awal kajian tersebut. Semasa kajian yang dijalankan penyelidik hanya tumpu kepada kawasan di daerah Jerantut sahaja.


## 1.6 Batasan Kajian

Sepanjang penyelidik menjalankan kajian ini, terdapat beberapa masalah dan kelemahan yang dihadapi. Penyelidik mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah dan kelemahan yang dihadapi semasa kajian ini dijalankan. Antara masalah dan kelemahan yang perlu dihadapi ialah:

1. Kesukaran penyelidik untuk mendapatkan kerjasama daripada penduduk kampung telah berlaku. Ini kerana tidak semua responden yang ditemui oleh penyelidik tersebut telah memberikan kerjasama dengan baik. Terdapat juga sebahagian responden tidak berminat langsung dengan perkara seperti ini. Bagi mengatasi masalah ini penyelidik telah menyediakan soalan soal selidik dalam bentuk objektif agar dapat diisi oleh pihak responden dan memudahkan mereka semua.
2. Penyelidik menyediakan peralatan menulis seperti pen dan pensil kepada responden yang tidak mempunyai peralatan tersebut. Semua yang dibuat oleh pengkaji tersebut untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada pihak responden.
3. Penyelidik berkemungkinan telah menghadapi masalah maklumat yang diberikan oleh pihak responden tidak lengkap. Ada sebahagian jawapan yang ditanda mengelirukan penyelidik untuk membaca serta menilai borang soal selidik tersebut nanti. Untuk mengatasi masalah ini penyelidik menyediakan lebih borang soal selidik agar dapat digunakan untuk responden yang lain.

4. Kekurangan sumber maklumat untuk dijadikan sebagai bahan kajian juga merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh penyelidik. Kebanyakan tesis atau kajian lepas yang dijalankan mengenai warisan kesenian dihasilkan dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, penyelidik memerlukan masa yang agak lama untuk menterjemahkan kajian tersebut ke dalam Bahasa Melayu.
5. Masalah kos dan cuaca juga salah satu punca yang mengganggu proses kajian ini dijalankan. Tambang pergi dan balik ke kawasan kajian tersebut memerlukan kos yang tinggi dan ditambah dengan kos menghasilkan borang soal selidik. Keadaan cuaca yang tidak menentu menyukarkan pengkaji untuk mengedarkan borang soal selidik tersebut. Langkah yang diambil ialah pengkaji telah memilih hari dan waktu yang sesuai agar dapat menjalankan kajian ini dengan sebaiknya.
6. Dalam kaedah pemerhatian, pengkaji mempunyai masalah kerana ia kurang mahir untuk membuat pemerhatian. Pemerhatian yang secara menyeluruh bagi memperoleh data dan maklumat perlu dilakukan secara berhati-hati supaya pemerhatian tersebut tidak perlu dilakukan secara berulang kali. Kemahiran semasa membuat pemerhatian amat penting bagi memperoleh data dan maklumat yang tidak diberikan oleh pihak informan ketika sesi temubual dijalankan. Maklumat yang diperoleh semasa menjalankan pemerhatian tersebut boleh dijadikan sebagai maklumat tambahan kepada pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

### 1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Pengkaji membuat kerangka konseptual berdasarkan bahan kajian yang telah dikaji iaitu menentengahkan kesenian warisan negeri Pahang. Teknologi maklumat dapat digunakan dengan cara yang menarik untuk membuat peta yang mengandungi gambar yang boleh di ambil dalam mana-mana medium yang ada. Menurut British Columbia 2010, pemetaan kebudayaan penting serta bernilai dalam menghasilkan perspektif baru dan menyediakan asas kepada perancangan kebudayaan yang berkesan.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini mengenai tempat warisan sejarah dalam industri pelancongan Kota Tinggi yang mempunyai nilai yang tersendiri. Semasa menjalankan kajian ini pengkaji telah mengenalpasti beberapa pihak yang mempunyai kepentingan dalam kajian ini. Pihak yang mempunyai kepentingan dalam kajian ini adalah pengkaji, pengkaji telah datang, masyarakat, pihak berkuasa dan negeri.

Melalui kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung penyelidik dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam kesenian warisan tersebut. Penyelidik telah menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh sepanjang pengajian penyelidik. Kajian ini juga penting dalam pembelajaran penyelidik sebagai syarat untuk penyelidik menamatkan pengajiannya di peringkat sarjana muda.

Dalam kajian yang dijalankan ini, penyelidik dapat mengetahui persepsi masyarakat setempat di negeri Pahang sebagai warisan kesenian mereka. Usaha yang dilakukan untuk memajukan lagi sektor kesenian di Pahang tersebut dapat menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang ke kawasan tersebut. Daerah Jerantut juga boleh dijadikan sebagai

tempat pelancongan warisan oleh para pelancong kerana terdapat sejarah yang tinggal di negeri tersebut. Selain itu, penyelidik dapat mengetahui persepsi masyarakat tentang kewujudan warisan kesenian Gendang Pahang.

Kajian ini juga amat penting kepada penyelidik akan datang sekiranya mereka hendak menjalankan kajian mengenai kesenian gendang Pahang. Hasil kajian ini boleh dijadikan oleh penyelidik akan datang untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kepada mereka jika hendak melakukan kajian yang berkaitan dengan kajian kesenian gendang Pahang. Di samping itu, penyelidik akan datang boleh mengembangkan lagi mengenai kajian yang telah dijalankan ini dari aspek kajian yang berlainan.

Selain itu, kajian ini penting kepada masyarakat setempat untuk memajukan industry kesenian yang terdapat di negeri Pahang. Pandangan atau cadangan yang diberikan oleh penduduk dapat digunakan oleh pihak berwajib atau masyarakat setempat untuk memajukan lagi industri tersebut. Di samping itu, kajian yang dijalankan ini diharapkan agar dapat memberi informasi dan maklumat yang ringkas dan padat kepada masyarakat di luar sana.

Disamping itu, kajian ini berkepentingan kepada pihak pegurusan kesenian Pahang dalam memperkenalkan Warisan Kesenian Gendang Pahang sebagai Kesenian warisan. Kajian ini mengkaji mengenai persepsi masyarakat terhadap warisan Kesenian Gendang Pahang. Oleh itu, pihak pengurusan telah mengetahui pandangan dan cadangan untuk penambahbaikan Kesenian Gendang Pahang agar lebih terkenal di kawasan tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik mempunyai kepentingan terhadap. Pelancong boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan untuk memperoleh maklumat tambahan. Secara tidak langsung, kajian ini dapat mempengaruhi pelancong untuk memilih negeri Pahang sebagai destinasi pelancongan warisan mereka kerana pelancong telah tertarik dengan tarikan yang ada di kawasan tersebut.

Kajian ini juga dapat meningkatkan imej negara di semua peringkat. Imej negara yang meningkat apabila kajian ini dibaca oleh masyarakat setempat ataupun luar negara.

### **1.9 Masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian**

Kajian tentang persepsi masyarakat terhadap Kesenian Gendang Pahang telah dijalankan dan mendapati pelbagai masalah yang timbul. Antara masalah yang dihadapi oleh penyelidik adalah jarak antara lokasi penyelidik dengan tempat kajian adalah jauh. Jarak yang jauh telah menyebabkan penyelidik perlu mengatur perjalanan dengan lebih baik semasa ingin membuat selidikan.

Selain itu, penyelidik juga menghadapi masalah dengan informan. Hal ini kerana ramai informan yang mengetahui tentang kewujudan seni Gendang Pahang telah meninggal dunia. Penyelidik telah menjumpai beberapa orang informan yang masih lagi wujud di beberapa daerah, namun penyelidik kluatir akan sumber yang didapati dari informan sekeliling tidak pasti akan kesahihan sumber.

Namun begitu, penyelidik tetap mengkaji tentang maklumat kajian bagi mendapatkan info yang benar dan tepat.

Dalam kajian ini juga, penyelidik perlu kuat dari segi mental dan fizikal kerana terpaksa berdepan dengan masyarakat setempat bagi mendapatkan maklumat yang sah.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KESUSASTERAAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan kajian secara literatur ke atas kajian tentang Persepsi Masyarakat terhadap Kesenian Gendang yang terdapat di Malaysia dan bagaimana alatan gendang wujud serta fungsi beberapa bahagian gendang. Dalam bab ini juga pengkaji membincangkan tentang bagaimana kajian lepas mengkaji tentang kesenian gendang yang terdapat di seluruh Malaysia. Selain itu, pengkaji mengkaji kajian lepas tentang bagaimana kesenian gendang berkait rapat dengan masyarakat setempat. Melalui alatan yang digunakan, pengkaji mengkaji kegunaan alatan tersebut.

Kajian literatur ini adalah amat penting dalam kajian yang dijalankan kerana melalui kajian literatur, pengkaji mengetahui lebih banyak kelemahan dan dapat mengkaji dengan lebih mendalam tentang kesenian Gendang Pahang ini. Dalam bab ini juga terdapat bahagian yang dapat membantu individu lain untuk mengetahui tentang kesenian Gendang Pahang ini. Selain itu, pengkaji dapat memberi sedikit sebanyak idea dan pandangan terhadap status Gendang Pahang ini. Kajian ini adalah penting bagi mencapai objektif dalam bab sebelumnya.

Selain itu, dalam bab ini juga menceritakan tentang persepsi masyarakat terhadap warisan kesenian gendang. Terdapat pelbagai pandangan masyarakat terhadap kesenian gendang kerana gendang juga merupakan warisan kesenian turun temurun sejak zaman dahulu lagi.

## 2.2 Kajian Terdahulu

Kesenian merupakan tunjang yang berkait rapat dengan kebudayaan. Kedua-duanya adalah sangat penting dan dianggap sangat berkait rapat dan tidak dapat dipisahkan. Seni dan budaya amat berkait rapat dengan identiti, ideologi dan amalan seharian sesebuah kelompok masyarakat. Cara hidup masyarakat yang berlandaskan kesenian menjadikan sesebuah masyarakat itu rapat dan hidup dalam keadaan yang harmoni dan mempunyai satu aura yang dapat merapatkan hubungan antara satu sama lain seperti keluarga. Hal ini dapat membentuk keunikan dalam sesebuah kelompok masyarakat tersebut.

Malaysia merupakan negara yang mempunyai pelbagai lapisan masyarakat. Hal ini kerana Malaysia mempunyai pelbagai bangsa dan etnik yang mengeluarkan pelbagai hasil seni yang pelbagai dari pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia.

Kepelbagaian kesenian menyebabkan Malaysia mempunyai pelbagai adat dan kesenian yang berbeza mengikut kaum dan bangsa masing-masing. Kesenian yang terdapat di Malaysia adalah berbeza dengan negara lain kerana bangsa dan kaum yang terdapat di Malaysia juga sangat unik. Menurut Stavenhagen (1986), kepelbagaian budaya merupakan rangkuman dari pelbagai aspek yang meliputi budaya, etnik, agama, amalan tradisi yang mengarah kepada kecenderungan dan memberi kefahaman di antara sesama kaum.

Kepelbagaian Budaya menurut Kymlicka (1999) pula adalah merujuk kepada kepelbagaian yang wujud dalam sesebuah masyarakat yang memberi tumpuan dari segi : (1) memahami fenomena perubahan setiap masyarakat secara universal (perspektif universal), (2) mengkaji permasalahan dan konflik setiap etnik (perspektif etnik) dan (3) mengkaji cara bagaimana setiap etnik mengekspresikan budaya mereka (perspektif budaya).

Melalui Penglibatan masyarakat pula, konsep budaya dan masyarakat memang tidak dapat dipisahkan, ibarat kata pepatah Melayu, ‘bagai aur dengan tebing’ begitulah keutuhan yang terbina di antara kedua-dua bidang ini. Kepelbagaian budaya mengeratkan hubungan kaum di negara ini. Masyarakat Malaysia sangat menerima kepelbagaian budaya yang diamalkan dalam kehidupan seharian sejak dahulu lagi.

Munurut Mohd Ghause (2000) oleh kerana tidak mendapat sambutan oleh masyarakat, alatan muzik akan terkubur di muzium tidak lama lagi. Hal ini kerana beliau berpendapat bahawa upacara yang memerlukan alatan muzik tradisional tidak lagi penting dalam kalangan masyarakat.

Melalui buku Prosiding Persidangan Antarabangsa Melayu (2006) menyatakan bahawa media massa memainkan peranan yang penting dalam membentuk sesebuah kesenian dalam sesuatu masyarakat bagi memupuk semangat kesenian dalam sesebuah masyarakat.

Terdapat dua golongan masyarakat iaitu masyarakat sederhana dan maju. Melalui golongan masyarakat ini dapat membezakan cara hidup sesuatu golongan masyarakat.

**Golongan Masyarakat Sederhana:**

1) Masyarakat yang mempunyai pola pemikiran primitif iaitu pemikiran masyarakat yang hanya membezakan jantina lelaki dan perempuan.

**Golongan Masyarakat Maju :**

2) Masyarakat yang mempunyai pola pemikiran untuk kehidupan yang bakal dicapai dan dikecapi dengan bergotong-royong dan kebersamaan walaupun dalam golongan yang berbeza.

Terdapat juga beberapa buah negeri di Malaysia yang menggunakan serunai dalam menghasilkan bunyi semasa memainkan gendang. Menurut Mohamed ghouse 1989, serunai merupakan alat muzik esembel nobat yang dibawa masuk ke dalam masyarakat melayu dari Parsi. Selain itu , menurut Ku Zam Zam (1983) pula, serunai merupakan alat muzik yang jarang ditinggalkan oleh esembel Melayu.

Oleh itu mengikut sejarah, perkembangan dan kemunculan serunai itu adalah berkait rapat dengan pembuatan gendang walaupun kemunculan serunai itu sendiri adalah selepas kemunculan gendang.

Namun begitu, penggunaan gendang pada masa kini tidak lagi sama seperti penggunaan gendang pada waktu dahulu. hal ini kerana terdapat pelbagai unsur luar yang masuk ke dalam industri kini yang menyebabkan perubahan yang pelbagai dari pelbagai aspek penggunaan gendang itu sendiri.

Selain itu juga, penggunaan gendang pada masa kini tidaklah begitu meluas seperti pada waktu dahulu. Menurut Kamarul Baharin (2000), Ahli dalam pembuatan gendang ini sendiri adalah sedikit bilangannya dan tidak ada pewaris atau pengganti yang berwibawa yang sememangnya lahir dalam bidang ini. Hal ini terjadi adalah dek kerana beberapa faktor antaranya ialah cita rasa masyarakat tempatan yang sering berubah kerana mereka lebih gemar kepada muzik barat.

Menurut Che Mat Isa seorang tenaga pengajar permainan gendang di Universiti Sains Malaysia, gendang mempunyai pantang larangnya tersendiri. Antara pantang larang gendang adalah gendang itu sendiri tidak boleh dilangkah kerana jika dilangkah gendang akan menjadi tawar dan seperti tidak lagi dihormati.

Namun begitu, tidak bermaksud gendang tersebut mempunyai kuasa atau semangat yang dikhuatiri memberi mudarat kepada manusia. Menurutny lagi, sememangnya dalam permainan gendang dahulu terdapat unsur khurafat kerana di dalam gendang itu sendiri terdapat azimat yang diletakkan.

Menurut Rancangan Malaysia ke-9, dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-8, pelbagai program kebudayaan dan kesenian dijalankan bagi menarik minat generasi kini terhadap seni budaya dan warisan. Menurutny lagi, untuk meningkatkan minat generasi kini juga, pelbagai aktiviti kesenian dan kebudayaan bergiat aktif yang melibatkan kesemua komuniti.

Peralatan muzik itu agak berbeza dengan gendang dari negeri lain kerana ia tidak diiringi serunai malah, menggunakan tiga alat muzik lain iaitu gendang ibu, gendang anak dan gong.

Seorang penggiat gendang tetawak Pahang, Ismail Mahmud, 80, berkata, persembahan gendang tetawak membabitkan gendang sama deras, gendang sama dua, tupai berkendak, gobik teba dan gendang ketimbong janda. Menurutnya, peralatan muzik itu sedap didengar menerusi paluan gendang tetawak dengan diiringi gendang janda mengerat kayu api, gendang kambing berlaga, gendang raja berangkak dan gendang tari piring. Gendang tersebut dimainkan orang lelaki atau wanita pada zaman dahulu malah, dikatakan setiap kampung di negeri ini mempunyai pasukan gendang tetawak masing-masing.

Oleh yang demikian, Gendang Pahang telah mempunyai lagunya tersendiri yang dikenali sebagai Bujang Hilir. Irama itu dimulakan dengan rentak pembukaan dan diakhiri dengan rentak membunuh atau rentak mati di samping rentak-rentak lain.

Gendang diperbuat daripada kayu yang baik dan tahan lasak untuk mengeluarkan bunyi yang baik. Ia menggunakan kulit harimau di sebelah kanan dan kulit kambing di sebelah kiri. Permukaan kulit kiri dimainkan dengan tangan manakala sebelah kanan pula dimainkan dengan paluan kayu Kemuning.

Kedua-dua jenis gendang ini mempunyai tali yang memudahkannya untuk digalas ke tempat-tempat permainan. Di sekeliling gendang tersebut dililit dengan rotan kertas sepanjang 1 kaki. Alat ini dibalut dengan kain berwarna kuning.

Gong atau Tetawak Ibu mendukung peranan sebagai alat 'kolotomik' yang utama dalam budaya muzik masyarakat Melayu tradisi di Malaysia. Ianya sering digunakan secara berpasangan dengan Tetawak Anak khususnya dalam *ensemble* bagi mengiringi teater tradisional seperti Mak Yong, Wayang Kulit Kelantan, Menora dan Main Puteri. Diperbuat daripada perunggu berbentuk bulat. Dindingnya tebal, berbusut di tengah-tengah bahagian permukaannya. Bagi tetawak ibu bunyinya rendah dan bergema manakala tetawak anak, nada bunyinya nyaring. Bentuk fizikal tetawak ibu lebih besar daripada tetawak anak. Alat muzik ini dapat menghasilkan bunyi seperti 'chak, dong, peng'.

Persepsi merupakan suatu aspek psikologi yang penting bagi manusia dalam memberi rangsangan terhadap kehadiran pelbagai aspek dan gejala di sekitarnya. Terdapat dua bentuk persepsi iaitu *Intern* dan *Ekstern* iaitu luaran dan dalaman. Menurut Sugihartoo, dkk (2007) kemampuan atau dalam menterjemahkan tindak balas atau proses untuk tindak balas yang masuk dalam pancaindera manusia.

Setiap individu mempunyai persepsi tersendiri dalam melihat sesuatu perkara. Pandangan antara setiap individu itu berbeza sama ada dari sudut pandangan negatif mahupun positif dengan menggunakan pancaindera dan mentafsirkan apa yang dilihat dengan cara berbeza yang telah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti: a) pengalaman b) pengetahuan c) sudut pandangan.

Persepsi berasal daripada perkataan bahasa latin iaitu 'persipere' yang bermaksud menerima. Wadu (2003) telah mendefinisikan persepsi merupakan sesuatu pandangan manusia kepada sesuatu perkara atau objek yang menarik perhatian sama ada ia merupakan pandangan negatif atau positif. Persepsi itu akan berubah dari masa ke semasa mengikut daya pemikiran seseorang itu.

Ia boleh ditakrifkan sebagai satu proses penerimaan selepas mendapat rangsangan yang diperoleh dari lingkungan dalaman dan luaran sehingga pengamatan secara. Persepsi ini merupakan tafsiran sensasi, melibatkan makna dan organisasi (Matlin dan Foley, 1992).

Schermerhorn, Hunt dan Osborn (2002) menyatakan bahawa persepsi merupakan proses di mana individu memilih, menyusun, mentafsir, mendapatkan dan kemudian bertindak balas terhadap maklumat yang diterimanya daripada persekitarannya. Persepsi maklumat yang diperoleh daripada penglihatan, mendengar, sentuhan, rasa dan bau.

Persepsi merupakan proses di mana seseorang akan memilih maklumat yang diterima untuk mencipta gambaran atau pandangan yang terkandung maksud yang tersendiri di sekelilingnya (Susuman dan Arzu Unel, n.d). Definisi ini telah disokong oleh Rowntree (1981) yang di ambil daripada Jipem (2001) yang menyatakan bahawa persepsi merupakan

satu proses manusia memperoleh dan mentafsirkan maklumat daripada kawasan sekeliling mereka dengan menggunakan pancaindera.

### **2.2.3 Faktor yang mempengaruhi persepsi:**

- 1) Menurut Miftah Toha (2003) Faktor dalaman yang dikenali sebagai faktor *Intern* adalah seperti perasaan, sikap, keperibadian individu, prasangka, keinginan atau harapan, perhatian (fokus), proses belajar, keadaan fizikal, gangguan kejiwaan, nilai dan minat.
- 2) Menurut Miftah Toha (2003) lagi, Faktor luaran yang pula dikenali sebagai faktor *Ekstern* adalah latar belakang keluarga, informasi yang diperoleh, pengetahuan, intensitas, pergaulan gerak, hal-hal baru atau ketidakasingan sesuatu objek.

Menurut Jabatan Bangun (1994:23-27) Gendang bermaksud instrumen atau alat musik, contoh Gendang Singindungi artinya gendang menyatakan sebuah alat musik yang dinamakan singindungi termasuk dalam klasifikasi membranofone, dua sisi yang berbentuk double konis yang dimainkan dengan dua buah pemaluh (stik).

Menurut Zaid Ahamad (2013) semangat penerimaan kepelbagaian budaya ini sekaligus telah memajukan masyarakat Malaysia dengan nama 'kesatuan dalam kepelbagaian'. Menurut Kamus Dewan 2005, seni dapat dinyatakan sebagai sesuatu yang kecil, elok, tipis dan halus, enak didengar iaitu mengenai suara, comel bentuk badan.

Sesuatu yang dikatakan seni pula adalah suatu bentuk karya seperti pantun, ukiran, muzik dan lain-lain lagi yang dicipta dengan bakat yang tersendiri. Perkataan 'seni' jika ditambah dengan imbuhan 'ke' (awalan) dan 'an' (akhiran) membentuk perkataan

'kesenian' yang bermaksud lebih luas lagi iaitu perihal seni, yang berkaitan dengan nilai estetika dan ketelitian penciptaan sesebuah karya seni.

Kesenian telah menjadi identiti dan amalan kepada kebudayaan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa sejak dahulu lagi.

Dengan kepelbagaian amalan kesenian dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini, identiti masyarakat Malaysia yang bersifat multikultural lebih terserlah dan dikenali ramai.

Menurut Osman dan Kadir (1987) kepelbagaian budaya merupakan rangkuman dari pelbagai aspek yang meliputi budaya, etnik, agama, amalan tradisi yang mengarah kepada kecenderungan dan memberi kefahaman di antara sesama kaum.

Kepelbagaian Budaya menurut Kymlicka (1999) pula adalah merujuk kepada kepelbagaian yang wujud dalam sesebuah masyarakat yang memberi tumpuan kepada : (1) memahami fenomena perubahan setiap masyarakat secara universal (perspektif universal), (2) mengkaji permasalahan dan konflik setiap etnik (perspektif etnik) dan (3) mengkaji cara bagaimana setiap etnik mengekspresikan budaya mereka (perspektif budaya). oleh itu, setiap budaya mempunyai keunikan kebudayaannya tersendiri. Kelangsungan mempunyai keunikan dan kebudayaan , menjadikan sesuatu kaum tersebut mempunyai pola dan corak kehidupan yang berbeza latar belakangnya.

Menurut Ting 1997, hubungan masyarakat sangat penting dalam sosialisasi dalam bilangan masyarakat yang sangat besar bagi memupuk semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan mereka. Proses sosialisasi dapat memupuk semangat saling hormat menghormati dalam kalangan masyarakat majmuk.

Menurut Piagam Burra 1998, proses kawalan sesuatu tempat agar kepentingan kebudayaan dapat dikekalkan. Keadaan ini adalah termasuk penjagaan dan jika perlu pemulihan, pembaikan, pembinaan semula dan penyesuaian.

Menurut kamus *A New Dictionary of Music*,  
“ *the art of combining sounds with a view to beauty  
of form and expression of emotion* “

Dalam kamus tersebut bermaksud suatu seni yang menggabungkan bunyi dengan bentuk gambaran yang cantik melalui pengucapan perasaan. Selain itu juga muzik dapat melahirkan satu perasaan yang tidak dapat digambarkan dan turut dapat memberi kesan kepada penghasilnya dan pendengarnya.

Muzik juga dapat melahirkan suasana yang tenang dan memberi kepuasan kepada dua golongan bahagian situasi iaitu kepada penghasil mahupun pendengar karya seni itu sendiri.

Pada sejarah asalnya, Kendang, Kendhang, atau Gendang merupakan satu alat muzik dalam Gamelan Jawa yang berfungsi mengatur irama iaitu alat muzik yang sumber bunyinya berasal dari kulit atau bahan lainnya.

**Bukti keberadaan gendang, dapat dilihat pada relief candi-candi seperti berikut :**

- Candi Borobudur (awal abad ke-9 Masehi), dilukiskan bermacam- macam bentuk gendang seperti bentuk : silindris langsing, bentuk tong asimetris, bentuk kerucut (Haryono,1985;1986).
- Candi Siwa di Prambanan (pertengahan abad ke-9 Masehi), pada pagar langkan candi, gendang ditempatkan di bawah perut dengan menggunakan semacam tali.
- Candi Tegawangi, candi masa klasik muda (periode Jawa Timur), sekitar abad 14), dijumpai relief seseorang membawa gendang bentuk silindris dengan tali yang dikalungkan pada kedua bahu.
- Candi Panataran, candi masa klasik muda (periode Jawa Timur), sekitar abad 14, relief gendang digambarkan hanya menggunakan selaput satu sisi dan ditabuh dengan menggunakan pemukul berujung bulat. Jaap Kunst (1968:35-36) menyebut instrumen musik ini ‘dogdog’, Ada hal yang menarik mengenai asal muasal kendang ini, yaitu adanya kesamaan penyebutan dari sumber tertulis Jawa Kuno dengan sumber tertulis di India. Hal ini membuktikan bahwa telah terjadi kontak budaya antara keduanya, termasuk dalam dalam bidang seni pertunjukan.

Namun, tidak dapat ditarik kesimpulan bahawa Gendang Jawa adalah pengaruh Gendang India. Hal ini kerana instrumen muzik jenis membranofon ini dirasakan telah ada sebelum adanya hubungan budaya dengan India, yang digunakan pada acara-acara ritual.

Pada zaman kebudayaan logam prasejarah di Indonesia (kebudayaan perunggu) telah dikenali dengan “moko” dan “nekara”. Nekara pada zamannya berfungsi seperti gendang.

Gendang Pahang merupakan antara gendang yang tertua di Malaysia. Namun begitu, disebabkan arus pemodenan kini, kesenian Gendang Pahang perlahan-lahan dilupakan oleh generasi kini. Hal ini dapat menyebabkan generasi akan datang tidak tahu akan kewujudan kesenian gendang tersebut di negeri asal usul mereka sendiri.

Oleh yang demikian, masyarakat kini perlu sedar bahawa warisan yang telah ditinggalkan perlu dipelihara agar tidak luput ditelan zaman.

Pada mulanya Gendang Pahang dimainkan hanya oleh orang lelaki sahaja, namun kini semua lapisan dan jantina dapat memainkan gendang tersebut. Gendang Pahang terdapat diseluruh daerah di negeri Pahang.

Namun begitu, masih ada lagi daerah dan tempat yang masih tidak tahu akan kewujudan Gendang Pahang. Hal ini kerana terdapat faktor yang menyebabkan masyarakat di tempat tersebut tidak cakna dengan warisan yang telah ditinggalkan.

Antara faktor yang mejadikan Gendang Pahang dilupakan adalah kekangan masa msayarakat kini yang lebih memilih untuk menghabiskan masa dengan bekerja. Namun begitu, masih ada lagi masyarakat yang sayang akan kesenian warisan yang ditinggalkan.

Dalam mengetengahkan warisan Gendang Pahang di dalam kalangan masyarakat di negeri Pahang, pelbagai usaha telah dijalankan bagi memupuk minat generasi kini. Antaranya ialah mengadakan bengkel kesenian gendang bagi melatih minat generasi baru.

Daerah Jerantut yang terletak di negeri Pahang merupakan salah satu tempat yang terkenal dengan kesenian gendang dan merupakan salah satu tempat yang masih kekal warisan kesenian Gendang Pahang.

Gendang Pahang atau dikenali sebagai gendang tetawak diperkenalkan seorang pemimpin tempatan iaitu oleh Datuk Perba Jelai dan dimainkan oleh penduduk di sepanjang Sungai Jelai dan Sungai Pahang di sini. Seni warisan itu turut menerima pengaruh Islam kerana irama lagu yang digubah merupakan gandingan peralatan yang dibawa dari Asia Barat.

Alat muzik gendang hanya dimainkan oleh golongan warga emas dan segelintir belia berikutan kehadiran muzik moden yang lebih mendapat tempat di kalangan masyarakat. Gendang tetawak dan kombinasi dengan peralatan muzik lain sering dimainkan bagi memeriahkan majlis keramaian, perkahwinan, majlis rasmi, mengiringi tarian tradisional Melayu, silat dan mengiringi pembesar negeri.

Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2001), kepercayaan masyarakat terhadap alat muzik berkait rapat dengan amalan ritual keraa terdapat persamaan penggunaan alat muzik sebagai iringan dalam ritual agama Hindu. Masyarakat Cam Bari masih mengamalkan upacara-upacara ritual tertentu dengan iringan muzik di dalam kehidupan dan mereka tidak mengamalkan ajaran islam.

### **2.3 Rumusan**

Bab ini merupakan bab yang sangat penting untuk panduan individu pengkaji yang seterusnya. Selain itu, ia juga penting untuk pengetahuan masyarakat akan datang agar warisan kesenian gendang Pahang dapat dijaga dan diwariskan. Melalui kajian ini juga, masyarakat dapat mengetahui dan mengkaji dengan lebih mendalam menggunakan dapatan yang telah ditemui dalam kajian ini untuk kajian yang seterusnya. Hal ini dapat membimbing pengkaji lain dalam membuat kajian tentang warisan kesenian gendang.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat dan info data yang diperlukan berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Tujuan metodologi kajian ini adalah untuk mengukuhkan lagi tajuk berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik.

Dalam bab ini juga, penyelidik telah menggunakan beberapa kaedah metodologi yang dapat menghasilkan maklumat yang terperinci daripada bahan-bahan atau sumber-sumber yang boleh diguna pakai sama ada dari individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak. Bahan bacaan yang berbentuk ilmiah, rencana dan analisa juga digunakan.

Selain itu, penyelidik juga menggunakan dua jenis sumber data dalam menjalankan kajian ini, iaitu sumber data primer dan data sekunder. Dalam data primer penyelidik menggunakan kaedah kualitatif seperti sesi temuramah yang akan digunakan selain daripada kaedah pemerhatian dan kerja lapangan. Namun begitu, sumber data sekunder penyelidik lebih tertumpu kepada pembacaan buku-buku dan laman web yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan iaitu persepsi masyarakat terhadap kesenian gendang Pahang.

### **3.2 Metodologi Kajian**

Pengkaji menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Penyelidik menggunakan kaedah metodologi yang terdiri daripada jumlah populasi dan sampel, kaedah pengumpulan kajian yang menggunakan data primer dan data skunder untuk digunakan sebagai alat kajian. Metodologi ini memerlukan pengkaji untuk memproses data yang diperoleh daripada kajian tersebut. Pada peringkat yang terakhir pengkaji telah menganalisa data yang diperoleh dengan menggunakan kaedah diskriptif di mana data yang telah dikumpul telah diulas agar memperoleh keputusan kajian yang dijalankan tersebut.

Kajian kuantitatif merupakan kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data bagi menguji hipotesis yang telah dirangka untuk diukur kebenarannya. Kemudian analisis statistik digunakan untuk mewujudkan corak dan menguji teori (Hernández et al, 2006). Asas kaedah ini kebanyakannya dihimpunkan dalam borang statistik melalui borang soal selidik yang telah diedarkan di kawasan kajian.

Soalan mengenai tajuk kajian dihasilkan mengikut soalan yang telah dirangka. Kemudian diberikan secara rawak atau kumpulan responden yang telah dipilih.

Soalan-soalan 'percubaan' telah diedarkan kepada rakan-rakan bagi memilih dan mengetahui soalan-soalan yang relevan dan tidak relevan. Setelah memperoleh soalan yang relevan pengkaji telah menyediakan soalan yang telah dikemukakan kepada responden iaitu pengunjung Johor Lama.

Kajian kuantitatif ini mempunyai kelemahan kerana ia memerlukan kos yang mahal untuk melaksanakannya. Ini kerana pengkaji memerlukan mencetak beberapa keping soalan untuk diedarkan kepada responden.

Kajian kualitatif merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan dalam sebuah kajian. Langkah penyelidikan ini telah menghasilkan data gambaran yang boleh dilihat (Lexy, 2007). Menurut Jasmi (2012) telah menyatakan bahawa kaedah kualitatif merupakan kaedah yang memerlukan pengkaji usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan secara analisis berangka walaupun mempunyai keterangan yang merujuk kepada statistik.

Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini dengan menggunakan pemerhatian dan wawancara. Tujuan pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian ini untuk menambahkan lagi maklumat dengan membuat pemerhatian secara rawak terhadap persepsi masyarakat terhadap warisan kesenian gendang Pahang. Melalui kaedah ini, ia dapat membantu pengkaji untuk memantapkan lagi maklumat-maklumat yang diperolehi sebelum ini.

Pengkaji telah membuat pemerhatian yang dilakukan beberapa hari di Jerantut, Pahang bagi melihat bagaimana persepsi masyarakat apabila permainan gendang Pahang dimainkan. Gelagat masyarakat semasa berada di majlis yang mempersembahkan permainan gendang Pahang telah diperhatikan oleh pengkaji agar mendapat beberapa maklumat yang tidak dapat diperolehi daripada temu bual pihak responden. Bandar Jerantut mempunyai kawasan yang luas dan menyukarkan untuk pengkaji memerhatikan pada waktu yang sama dan tumpuan lebih diberikan pada beberapa bahagian sahaja. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melihat gelagat masyarakat dengan lebih jelas.

Pemerhatian ini juga dilakukan ke atas masyarakat setempat dengan ini dapat melihat lebih jelas apa pandangan masyarakat terhadap warisan kesenian tersebut.

Pengkaji membuat wawancara dengan beberapa responden untuk mendapatkan maklumat. Tujuan wawancara ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat lebih yang mungkin tidak terdapat dalam kaedah pemerhatian dan borang soal selidik. Pengkaji telah mewawancara beberapa orang informan yang mahir dalam selok belok kesenian Gendang Pahang.

### **3.3 Kaedah Pengumpulan Data**

#### **Data Primer**

Data primer merupakan data yang dikumpul oleh penyelidik melalui beberapa kaedah yang digunakan iaitu borang soal selidik, pemerhatian dan temuduga secara formal dan tidak formal dengan beberapa responden. Data ini merupakan data yang paling utama dalam kajian yang dijalankan dan menjadi asas kepada masalah kajian yang hendak dijalankan oleh penyelidik. Melalui data primer yang diperolehi dengan beberapa kaedah yang telah digunakan oleh penyelidik ini untuk mengetahui pandangan masyarakat terhadap warisan kesenian gendang Pahang. Selain itu, penyelidik dapat mengetahui cadangan yang boleh digunakan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memajukan Warisan Kesenian Gendang Pahang.

## **Data Sekunder**

Data sekunder yang diperoleh melalui sumber yang telah diterbitkan seperti jurnal, buku ilmiah, tesis, majalah, laporan, internet, surat khabar dan lain-lain. Jurnal-jurnal yang berkaitan pelancongan ini diambil dan dijadikan panduan kepada penyelidik untuk digunakan dalam kajian ini.

Artikel-artikel yang terdapat di dalam surat khabar yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan telah diambil kemudian digunakan untuk menambah maklumat yang tidak lengkap lagi. Pengkaji menggunakan sumber internet untuk memperoleh beberapa maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Dengan menggunakan internet ini, dapat memudahkan penyelidik memperoleh maklumat. Namun semasa menerima maklumat yang diperoleh dari internet pengkaji telah menapis dulu dan mengenalpasti sama ada maklumat atau sumber yang diberikan tersebut merupakan fakta bukan hanya rekaan semata-mata sahaja. Pengkaji membuat perkara sedemikian agar tidak memberikan maklumat yang tidak sahih di dalam kajian ini.

### **3.3.1 Pemerhatian**

Pengkaji telah membuat pemerhatian yang dilakukan beberapa hari di Jerantut bagi melihat persepsi masyarakat terhadap Kesenian Gendang Pahang. Pengkaji telah menghadiri kenduri dimana semasa kenduri tersebut dijalankan , terdapat permainan Gendang Pahang .

Gelagat penduduk semasa berada di kenduri tersebut telah diperhatikan oleh penyelidik agar mendapat beberapa maklumat yang tidak dapat diperoleh daripada temu bual pihak responden. Daerah Jerantut mempunyai kawasan yang luas dan menyukarkan untuk penyelidik memerhatikan pada waktu yang sama dan tumpuan lebih diberikan pada beberapa bahagian sahaja. Melalui kaedah ini, pengkajidapat melihat keadaan masyarakat dengan lebih jelas.

### **3.3.2 Jadual dan Graf**

Pengkaji menggunakan jadual dan graf untuk menyediakan jawapan yang diterima dalam bentuk yang lebih mudah dibaca dan difahami. Jadual-jadual telah dibina bagi mengisi maklumat yang telah diperoleh dan dianalisis kemudian diisi dalam beberapa jadual yang lebih ringkas dan padat. Graf carta pai dan graf bar dipilih untuk digunakan oleh penyelidik sebagai medium yang digunakan menghasilkan peratusan yang telah diperolehi.

Dengan berpandukan jadual dan graf yang dihasilkan, kesemua maklumat dan keputusan yang diperoleh diagihkan mengikut soalan pada borang soal selidik yang telah diberikan kepada pihak responden. Kaedah ini memudahkan pengkaji untuk membuat perbezaan antara persepsi pengunjung.

### **3.3.3 Persampelan**

Pengkaji telah memilih penduduk sekitar daerah Jerantut sebagai responden yang membantu penyelidik untuk mencapai objektif kajian ini. Sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan untuk diisi oleh penduduk dan masyarakat di kawasan tersebut. Penyelidik berharap responden iaitu pengunjung yang diberikan borang tersebut memberikan kerjasama dengan baik kepada pengkaji.

### 3.4 Instrumen Kajian

Setiap kajian yang dijalankan terdapat beberapa instrumen atau peralatan yang digunakan bagi memudahkan pengkaji melaksanakan kajian ini. Sebagai contoh, semasa menyiapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa peralatan yang membantu dan memudahkan pengkaji menjalankan penyelidikan ini. Instrumen kajian ini merupakan keperluan yang paling utama dalam mendapatkan maklumat. Terdapat beberapa peralatan yang digunakan seperti kamera digital, komputer, telefon bimbit dan borang soal selidik.

Pengkaji menggunakan kamera digital untuk merakam gambar untuk dijadikan sebagai bukti bahawa pengkaji ini benar-benar menjalankan kajian ini. Disamping itu pengkaji mengambil beberapa keping gambar di kawasan Johor Lama untuk dijadikan sebagai lampiran.

Komputer merupakan salah satu alat yang paling penting semasa pengkaji menyiapkan kajian ini. Pengkaji menggunakan komputer untuk menaip tesis, menganalisis data dan kemudian mengedit maklumat dan data yang diperoleh secara lebih teratur.

Dengan menggunakan *software* yang terdapat di dalam komputer ini memudahkan lagi kerja menyiapkan tesis ini. *Software* komputer yang digunakan oleh pengkaji ialah *Microsoft word 2013* dan *Statiscal package for social Science (SPSS)*.

Pengkaji menggunakan telefon bimbit untuk berhubung dengan pihak yang terlibat dalam kajian ini untuk memperoleh maklumat dan data yang diperlukan. Selain itu, pengkaji telah membuat temu janji dengan beberapa responden melalui panggilan untuk menentukan masa, tempat dan tarikh yang sesuai.

Pengkaji telah menjalankan ujian pre-test bagi menguji ketepatan borang soal selidik yang telah disediakan sebelum ia diberikan kepada pihak responden di kawasan kajian. Semasa melaksanakan *pres-test* ini pengkaji telah memilih 10 responden secara rawak untuk menguji borang soal selidik yang telah disediakan.

Tujuan pengkaji membuat *pre-test* tersebut untuk membuat penilaian ke atas ketepatan borang soal selidik tersebut. Selain itu, untuk memastikan bahawa soalan yang diberikan tersebut bersesuaian dengan tajuk kajian dan mencapai objektif kajian tersebut.

Pengkaji telah mengedarkan beberapa keping borang soal selidik untuk diberikan kepada penduduk dan masyarakat yang menjadi responden dalam kajian ini.

Di dalam borang soal selidik tersebut terdapat beberapa soalan yang telah diberikan oleh pengkaji kepada responden untuk diisi. Soalan yang diberikan tersebut berkaitan dengan kajian yang dijalankan agar pengkaji mendapat beberapa maklumat daripada pihak responden.

Borang soal selidik ini diedarkan adalah bertujuan untuk mengkaji Persepsi masyarakat terutamanya terhadap Warisan Kesenian Gendang Pahang. Borang ini hanya digunakan untuk kajian semata-mata

Borang soalan ini mengandungi dua (3) muka surat hadapan dan meliputi 2 bahagian secara keseluruhannya. Bahagian A adalah maklumat demografi responden dan bahagian B adalah persepsi masyarakat terhadap Warisan Kesenian Gendang Pahang. Segala maklumat yang diperolehi adalah sulit dan ia adalah untuk kegunaan akademi sahaja.

## **BAHAGIAN A : DEMOGRAFI**

**Sila tandakan ( / ) pada kotak yang berkaitan.**

### **Jantina**

Pengkaji ingin mengetahui sama ada responden tersebut lelaki atau perempuan.

### **Bangsa**

Pengkaji telah menyenaraikan beberapa bangsa yang dijangka oleh pengkaji sebagai masyarakat sekitar tempat kajian.

### **Umur**

Pengkaji telah menskopkan beberapa peringkat umur iaitu 15 hingga 19 tahun, 20 hingga 30 tahun, 31 hingga 40 tahun, 41 hingga 50 tahun dan 51 tahun dan ke atas.

### **Pekerjaan**

Pengkaji ingin mengetahui latar belakang pekerjaan responden sama ada mereka bekerja atau tidak bekerja.

## **Bahagian B**

Pada bahagian ini pengkaji menfokuskan soalan berkaitan dengan pengetahuan umum kepada pihak responden. Tujuan soalan ini diajukan untuk dijadikan sebagai maklumat tambahan kepada pengkaji untuk diisikan dalam kajian ini. Terdapat beberapa soalan yang diajukan pengkaji di dalam borang soal selidik ini. Soalan yang diajukan seperti :-

Persepsi masyarakat terhadap warisan kesenian gendang Pahang.

**1. Saya mengetahui apa itu Warisan Kesenian Gendang Pahang?**

Soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui adakah masyarakat setempat mengetahui tentang kesenian gendang Pahang.

**2. Saya mudah untuk mengetahui dan memperolehi maklumat berkaitan dengan Warisan Kesenian Gendang Pahang?**

Soalan ini ditanya adalah ingin mengetahui sama ada masyarakat mudah mendaapatinformasi tentang kesenian gendang Pahanag atau tidak bagi mengenalpasti persepsi masyarakat terhadap kesenian tersebut.

**3. Sebagai generasi kini, saya berminat untuk menceburi bidang kesenian Gendang Pahang?**

Soalan ini diajukan bagi mengenalpasti pendapat masyarakat tentang minat mereka terhadap gendang Pahang tersebut sama ada mereka ingin menyertai atau tidak jika diberi peluang.

**4. Kekurangan generasi muda melibatkan diri dalam kesenian Gendang Pahang menyumbang kepada kemunduran Kesenian tersebut. saya setuju dengan pendapat itu.**

Soalan ini ditanya adalah untuk mengetahui sejauh mana kebenaran tentang masalah yang sering timbul pada masa kini iaitu kekurangan generasi muda terhadap kesenian warisan.

**5. Golongan muda lebih memilih kesenian muzik yang lebih moden berbanding muzik tradisional.**

Pengkaji ingin mengetahui kebenaran tentang minat generasi kini terhadap seni muzik adakah mereka berminat dengan seni muzik moden atau masih meminati kesenian warisan terdahulu.

**6. Kurangnya pusat latihan kemahiran permainan alatan muzik gendang menyebabkan masyarakat kurang mengetahui tentang kewujudan Warisan Kesenian Gendang Pahang.**

Pengkaji ingin mengetahui adakah jika kurangnya pusat latihan kemahiran permainan alatan muzik mempengaruhi pengetahuan masyarakat terhadap warisan kesenian gendang Pahang.

**7. Warisan kesenian gendang Pahang boleh terkenal ke seluruh negara dan diangkat sebagai permainan tradisional.**

Soalan ini adalah ingin mengetahui pendapat pengunjung terhadap taraf kesenian gendang tersebut sama ada boleh diangkat ke peringkat yang lebih tinggi atau tidak.

**8. Penduduk di negeri Pahang mengetahui tentang kewujudan Warisan Kesenian Negeri Pahang.**

Soalan ini meminta responden iaitu dari kalangan masyarakat setempat untuk memberitahu adakah mereka mengetahui serba sedikit tentang kesenian di negeri Pahang itu sendiri.

**9. Warisan Kesenian Gendang Pahang adalah satu cara mengeratkan hubungan silaturrahim.**

Soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada kesenian gendang Pahang ini dapat mengeratkan silaturrahim antara masyarakat setempat melalui permainan gendang tersebut.

**10. Permainan gendang Pahang kebiasaannya dimainkan ketika majlis perkahwinan dan keramaian.**

Soalan ini diajukan kerana pengkaji ingin mengetahui sama ada permainan gendang Pahang ini hanya dimainkan atau kebiasaannya dimainkan ketika majlis perkahwinan dan keramaian atau tidak.

**11. Saya boleh bermain alatan Gendang Pahang dengan baik**

Soalan ini meminta untuk responden menjawab sama ada mereka boleh bermain gendang atau tidak kerana pengkaji ingin mengetahui berapa ramai masyarakat yang tahu bermain permainan tersebut.

**12. Saya pernah mengkaji tentang permainan gendang Pahang**

Soalan ini diajukan kepada responden kerana pengkaji ingin mengetahui adakah masyarakat setempat mempunyai minat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang kesenian gendang Pahang dan berusaha untuk mencari informasi terhadap kesenian tersebut.

**13. Saya sering melibatkan diri dalam permainan Gendang Pahang**

Soalan ini meminta responden menjawab sama ada mereka senang untuk melibatkan diri dalam kesenian tersebut atau tidak. Hal ini kerana pengkaji ingin mencari tahu tentang kaedah bagi menarik minat masyarakat dalam melibatkan diri terhadap kesenian warisan di tempat mereka sendiri.

**14. Warisan Kesenian Gendang Pahang sesuai untuk semua lapisan usia**

Soalan ini diajukan kepada responden bagi mengetahui penerimaan kesenian gendang Pahang tersebut terhadap diri dan keluarga mereka dalam kehidupan seharian mereka.

**15. Permainan Gendang Pahang digalakkan dalam kalangan masyarakat di negeri Pahang**

Soalan ini meminta responden menjawab sama ada permainan gendang Pahang ini digalakkan kepada masyarakat setempat atau tidak.

**16. Terdapat pelbagai irama dan lagu yang dapat dimainkan dalam permainan Gendang Pahang**

Soalan ini diajukan kepada responden bagi mengetahui sejauh mana pengetahuan masyarakat setempat tentang tingkah lagu dalam permainan gendang tersebut.

**17. Keluarga saya turut terlibat dengan permainan gendang Pahang**

Soalan ini diajukan kepada responden adalah untuk memberi maklumat kepada pengkaji terhadap kadar keterlibatan ahli keluarga mempengaruhi pengetahuan individu dalam keluarga cenderung dan turut serta dalam melibatkan diri dengan warisan tersebut.

**18. Pihak sekolah turut mengadakan bengkel permainan Gendang Pahang di tempat saya**

Soalan ini meminta responden menyatakan bahawa pihak sekolah di kawasan mereka mengadakan bengkel atau kelas dalam melatih masyarakat tentang warisan kesenian Gendang Pahang atau tidak.

**3.5 Penganalisan Data**

Semasa penganalisan data dibuat dengan menggunakan cara mengira jumlah data-data yang telah diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diisi dengan lengkap dan tepat oleh pihak responden. Sebahagian data yang diperolehi telah dikira dalam bentuk peratusan ke dalam jadual dan graf. Graf yang dibina mengikut jumlah hasil dan peratusan telah diperolehi dan siap dianalisis. Maklumat yang diperolehi daripada pemerhatian telah dianalisis. Data-data tersebut telah dianalisa kemudian ditukar kepada kuantitatif bagi memudahkan proses penghasilan keputusan berdasarkan objektif kajian. Penyelidik menggunakan *software* di komputer iaitu *Statiscal package for social Science* (SPSS) semasa membuat penganalisa data. Ini memudahkan penyelidik semasa hendak membuat analisis data.

**3.6 Ringkasan**

Secara keseluruhannya, bab 3 ini menerangkan kaedah yang dipilih dan dilaksanakan untuk memperoleh data primer dan data sekunder. Dalam metodologi kajian, pengkaji hanya memfokuskan kepada kaedah kuantitatif sahaja semasa kajian ini dijalankan. Beberapa kaedah telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dalam proses kajian tersebut. Tujuan pemilihan kaedah tersebut agar memastikan maklumat dan data yang diperolehi adalah betul dan tepat.

Kaedah yang pengkaji telah gunakan untuk memperoleh data dan maklumat adalah pemerhatian, borang soal selidik dan menggunakan bahan rujukan lain.

Selain itu, bab ini juga telah menyatakan instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk memudahkan kajian ini dilaksanakan. Instrumen atau alatan kajian yang digunakan seperti komputer, kamera digital, telefon bimbit dan borang soal selidik.

Borang soal selidik dibahagikan kepada 2 bahagian agar ia lebih jelas dan mudah untuk supaya objektif kajian tercapai. Kaedah yang telah dirancang, pengkaji berharap proses kajian ini berjalan dengan lancar dan terancang. Pengkaji berharap, dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dan dijadikan bahan bantuan kepada pengkaji akan datang.

### **3.7 Hasil Kajian dan Cadangan**

Fasa yang terakhir harus dilalui oleh pengkaji ialah penemuan hasil kajian dan rumusan dibuat selepas memperoleh data kajian yang telah dianalisis. Persoalan yang telah dibentuk dan dikemukakan oleh pengkaji pada awal kajian telah dijawab pada fasa ini. Kemudian fasa ini telah membuktikan bahawa matlamat kajian iaitu “Persepsi Masyarakat terhadap Kesenian Gendang Pahang” tercapai.

Kemudian pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan untuk memajukan lagi warisan kesenian gendang Pahang tersebut.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab 4 merupakan hasil kajian yang telah didapati oleh pengkaji melalui kaedah pengedaran borang soal selidik dan temu bual kepada responden yang telah ditetapkan. Dalam bab ini juga penyelidik akan menerangkan hasil analisis yang dibuat melalui analisis deskriptif yang telah menyatakan secara umum mengenai persepsi pengunjung yang datang terhadap Kesenian Gendang Pahang. Penyelidik telah menggunakan *Statistical package for social Science* (SPSS) semasa membuat penganalisa data yang telah diperolehi daripada edaran borang soal selidik.

#### **4.2 Analisis Data**

Pengkaji telah memilih 250 orang masyarakat setempat dijadikan sebagai sampel kajian melalui borang soal selidik yang telah diedarkan seperti yang telah dinyatakan oleh pengkaji di dalam Bab 3. Penduduk setempat yang menjadi sampel kajian ini melibatkan penduduk berkaum Melayu, Cina, India dan kaum yang lain.


#### **4.3 Perbincangan Dan Dapatan Kajian**

Carta di bawah merupakan dapatan kajian yang disertakan dengan perincangan tentang setiap soal selidik dan temuramah beberapa orang responden bagi mendapatkan maklumat tentang warisan kesenian gendang Pahang ini.

**Jantina**

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Lelaki	153	61.2
Perempuan	97	38.8
Jumlah	370	100.0

**Jadual 4.3.1 Bilangan Jantina Masyarakat**



**Carta 4.3.1 : Bilangan Jantina Masyarakat**


Carta 4.2.1 menunjukkan bilangan masyarakat yang menjadi responden kepada borang soal selidik yang diedarkan oleh pengkaji di Jerantut, Pahang mengikut jantina lelaki dan perempuan. Bilangan pengunjung lelaki yang telah menjawab soal selidik iaitu responden yang ramai menjadi responden adalah seramai 153 orang bersamaan 61.2 % daripada keseluruhan 250 orang responden. Manakala pengunjung perempuan pula seramai 97 orang iaitu sebanyak 39 % daripada 250 orang responden.

Jumlah ini menunjukkan bahawa lelaki lebih ramai menjadi responden dalam kajian ini berbanding perempuan kerana dalam kesenian gendang Pahang, ia lebih kepada orang lelaki yang telah melibatkan diri dalam kesenian tersebut.

**Umur**

Umur	Kekerapan	Peratusan
Kurang 20 tahun	1	4
21- 30 tahun	67	26.8
31-40 tahun	83	33.2
41-50 tahun	58	23.2
51- 60 tahun	36	14.4
61 tahun ke atas	5	2.0
Jumlah	250	100.0

**Jadual 4.3.2 : Peratusan Umur Responden**




**Carta 4.3.2 : Umur Responden**

Carta 4.2.2 menunjukkan peratusan bagi peringkat umur masyarakat yang berlainan. Peratusan peringkat umur responden yang ramai di Pahang adalah masyarakat yang berumur antara 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 83 orang iaitu bersamaan 33.2% manakala jumlah responden yang paling sedikit pula ialah responden yang berumur 61 dan ke atas iaitu sebanyak 2.0%. Responden yang berumur 41 hingga 50 tahun adalah seramai 58 orang iaitu sebanyak 23.2%. Seramai 36 orang penduduk berumur antara 51 hingga 60 tahun iaitu sebanyak 14.4 %.

### Bangsa

	Kekerapan	Peratusan
Melayu	238	95.2
India	5	2.0
Cina	1	.4
Asli	6	2.4
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.3 Peratusan Bangsa Responden**



**Carta 4.3.3 Menunjukkan Bangsa Responden**

Jadual 4.3.3 menunjukkan peratusan bangsa responden responden yang paling ramai adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 238 orang iaitu bersamaan dengan 95.2 %


Jumlah responden melayu mempunyai jumlah yang besar kerana, penyelidik membuat kajian di kawasan perkampungan melayu. Oleh itu, responden yang memberi respon adalah lebih kepada berbangsa melayu.

Seterusnya diikuti oleh responden berbangsa asli iaitu seramai 6 orang responden bersamaan dengan 2.4 %. Bangsa India pula mencatat rekod seramai 5 orang responden iaitu 2.0% dan akhir sekali ialah responden yang berbangsa Cina iaitu seramai seorang dan bersamaan dengan 4%.

### **Pekerjaan**

	Kekerapan	Peratusan
Bekerja	192	76.8
Tidak Bekerja	58	23.2
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.4 menunjukkan peratusan pekerjaan responden**



**Carta 4.3.4 menunjukkan peratusan pekerjaan responden**


Jadual 4.3.4 menunjukkan jumlah peratusan pekerjaan responden samada mereka bekerja ataupun tidak bekerja. Jadual tersebut menunjukkan bahawa seramai 192 orang responden yang menjawab soal selidik adalah bekerja iaitu sebanyak 76.8% dan jumlah ini merupakan jumlah yang besar. Ini kerana daerah Jerantut merupakan sebuah bandar kecil yang mempunyai bangunan pentadbiran yang menyebabkan penduduk di situ mempunyai pekerjaan. Seterusnya seramai 58 orang responden menyatakan bahawa mereka tidak bekerja iaitu sebanyak 23.2%. Hal ini disebabkan oleh faktor umur responden yang sudah lanjut.

**Soalan Bahgian B**

**1. Saya mengetahui apa itu Warisan Kesenian Gendang Pahang**

	Kekerapan	Peratusan
Tidak Setuju	27	10.8
Setuju	162	64.8
Sangat Setuju	61	24.4
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.5**




**Carta 4.3.5**

Jadual 4.3.5 menunjukkan tentang responden yang mengetahui apa itu warisan kesenian gendang Pahang. Seramai 10.8% responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 162 orang responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka mengetahui tentang warisan kesenian gendang Pahang. Seterusnya sebanyak 24.4% iaitu seramai 61 orang responden sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut.

**2. Saya mudah untuk mengetahui dan memperolehi maklumat berkaitan dengan Warisan Kesenian Gendang Pahang**

	Frequency	Percent
Sangat Tidak Setuju	4	1.6
Tidak Setuju	110	44.0
Setuju	124	49.6
Sangat Setuju	12	4.8
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.6**



**Carta 4.3.6**

Jadual 4.3.6 menunjukkan responden yang menjawab persoalan tentang adakah mereka mudah memperolehi dan mendapatkan maklumat tentang kesenian gendang Pahang. Seramai 4 orang responden sukar untuk mendapatkan maklumat tentang kesenian tersebut.


Majoriti responden meyakini bahawa mereka mudah mengetahui tentang warisan kesenian gendang Pahang iaitu seramai 124 orang daripada 250 orang responden iaitu sebanyak

49.6% daripada 100% responden yang ditemui. Manakala yang sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut adalah seramai 12 orang responden yang mewakili 4.8% daripada 100% responden yang ditemui.

**3. Sebagai generasi kini, saya berminat untuk menceburi bidang Kesenian Gendang Pahang**

	Kekerapan	Peratusan
Tidak Setuju	34	13.6
Setuju	183	73.2
Sangat Setuju	33	13.2
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.7**



**Graf 4.3.7**


Jadual 4.3.7 menunjukkan minat responden terhadap warisan kesenian gendang Pahang. Seramai 34 orang responden iaitu 13.6% responden yang tidak berminat untuk menceburi bidang kesenian gendang Pahang.

Seramai 73.2% responden berminat untuk menceburi warisan kesenian iaitu seramai 183 orang responden dan 33 orang responden beramaan dengan 13.2% responden daripada 100% jumlah responden yang ditemui sangat berminat untuk menceburi warisan kesenian gendang Pahang.

**4. Kekurangan generasi muda melibatkan diri dalam kesenian Gendang Pahang menyumbang kepada kemunduran Kesenian tersebut. Saya setuju dengan pendapat itu**

	Kekerapan	Peratusan
Tidak Setuju	10	4.0
Setuju	176	70.4
Sangat Setuju	64	25.6
Total	250	100.0

Jadual 4.3.8



Carta 4.3.8


Jadual 4.3.8 menunjukkan kenyataan bahawa kekurangan generasi muda melibatkan diri dalam kesenian gendang Pahang menyumbang kepada kemunduran kesenian tersebut. Seramai 10 orang daripada 250 responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu

bersamaan dengan 4.0% responden. Seramai 176 orang responden bersetuju dengan kenyataan tersebut dan selebihnya iaitu seramai 64 orang responden yang bersamaan 25.6% responden sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut.

**5. Golongan muda lebih memilih kesenian muzik yang lebih moden berbanding muzik tradisional**

	Frequency	Percent
Tidak Setuju	13	5.2
Setuju	170	68.0
Sangat Setuju	67	26.8
Total	250	100.0

Jadual 4.3.9



Carta 4.3.9


Jadual 4.3.9 menunjukkan muzik moden menjadi keutamaan generasi kini berbanding permainan muzik tradisional.

Seramai 13 orang responden iaitu bersamaan 5.2% daripada 250 orang responden tidak bersetuju dan menyatakan bahawa muzik tradisional masih mempunyai tempat dihati masyarakat. Seramai 170 orang responden iaitu sebanyak 68% responden setuju dengan kenyataan bahawa generasi kini lebih memilih jenis permainan muzik moden. Diikuti pula dengan jumlah seramai 67 orang responden menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut.

**6. Kurangnya pusat latihan kemahiran memainkan alatan muzik gendang menyebabkan masyarakat kurang mengetahui tentang kewujudan Warisan Kesenian Gendang Pahang.**

	Frequency	Percent
Tidak Setuju	28	11.2
Setuju	169	67.6
Sangat Setuju	53	21.2
Total	250	100.0

Jadual 4.3.10




Carta 4.3.10

Jadual 4.3.10 menunjukkan kurangnya pusat latihan kemahiran permainan alatan muzik gendang menyebabkan masyarakat kurang mengetahui tentang kewujudan Warisan Kesenian Gendang Pahang. Majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu 169 orang bersetuju dan 53 orang responden sangat bersetuju seterusnya yang selebihnya tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

**7. Warisan kesenian gendang Pahang boleh terkenal ke seluruh negara dan diangkat sebagai permainan tradisional.**

	Frequency	Percent
Tidak Setuju	14	5.6
Setuju	189	75.6
Sangat Setuju	47	18.8
Total	250	100.0

Jadual 4.3.11



Carta 4.3.11

Jadual 4.3.11 menunjukkan kenyataan bahawa warisan kesenian gendang Pahang boleh terkenal ke seluruh negara dan diangkat sebagai permainan tradisional. Seramai 189 orang responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut dan seramai 18.8% responden


menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini kerana jika warisan ini berkembang ke saluran yang betul, ia boleh terkenal ke seluruh negara dengan warisan kesenian yang dimiliki oleh permainan tradisional tersebut.

Namun begitu, terdapat juga segelintir responden tidak bersetuju dengan kenyataan yang diberikan iaitu seramai 14 orang responden, iaitu 5.6% responden yang tidak bersetuju.

**8. Penduduk di negeri Pahang mengetahui tentang kewujudan Warisan Kesenian Negeri Pahang.**

	Frequency	Percent
Sangat Tidak Setuju	2	.8
Tidak Setuju	56	22.4
Setuju	168	67.2
Sangat Setuju	24	9.6
Total	250	100.0

Jadual 4.3.12



Carta 4.3.12


Jadual 4.3.12 menunjukkan kenyataan bahawa penduduk di negeri Pahang mengetahui tentang kewujudan warisan kesenian gendang Pahang. Kebanyakan responden menyatakan bahawa penduduk negeri Pahang mengetahui tentang warisan kesenian gendang Pahang. Hal ini dapat dilihat dalam jadual tersebut iaitu seramai 168 orang daripada 250 orang jumlah responden mengetahui tentang warisan kesenian gendang Pahang.

seramai 24 orang responden iaitu sebanyak 9.6% sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya terdapat juga responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan berikut iaitu seramai 56 orang iaitu bersamaan dengan 22.4% dan seramai 2 orang responden sangat tidak bersetuju bahawa penduduk di negeri Pahang mengetahui tentang warisan kesenian gendang Pahang.

**9. Warisan Kesenian Gendang Pahang adalah satu cara mengeratkan hubungan silaturrahim.**

	Kekerapan	Peratusan
Tidak Setuju	31	12.4
Setuju	184	73.6
Sangat Setuju	35	14.0
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.13**




**Carta 4.3.13**

Jadual 4.3.13 menunjukkan bahawa warisan kesenian gendang Pahang adalah salah satu cara mengeratkan hubungan silaturrahim. Seramai 31 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Selain itu, seramai 73.6% responden bersetuju dengan kenyataan tersebut dan 35 orang responden sangat bersetuju bahawa kesenian tersebut dapat mengeratkan hubungan silaturrahim.

**10. Permainan gendang Pahang kebiasaannya dimainkan ketika majlis perkahwinan dan keramaian.**

	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	11	4.4
Tidak Setuju	48	19.2
Setuju	142	56.8
Sangat Setuju	49	19.6
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.14**




**Carta 4.3.14**

Jadual 4.3.14 menunjukkan kenyataan bahawa permainan gendang Pahang kebiasaannya dimainkan dalam majlis perkahwinan dan majlis keramaian. Seramai 142 orang responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Ini merupakan jumlah tertinggi iaitu kebanyakan responden bersetuju dengan kenyataan bahawa pada kebiasaannya gendang Pahang dimainkan dalam majlis perkahwinan dan keramaian. Namun begitu, terdapat juga esponden yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu sebanyak 19.2% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan seramai 11 orang responden tidak bersetuju dengan keyataan tersebut iaitu sebanyak 4.4% daripada 250 orang responden yang ditemui.

**11. Saya boleh bermain alatan Gendang Pahang dengan baik**

	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	26	10.4
Tidak Setuju	126	50.4
Setuju	80	32.0
Sangat Setuju	18	7.2
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.15**




**Carta 4.3.15**

Jadual 4.3.15 menunjukkan kenyataan bahawa adakah responden mengetahui cara bermain gendang Pahang. Seramai 126 orang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini kerana tidak semua individu dikurniakan untuk pandai bermaian sesuatu permainan dengan baik. Oleh itu mereka perlu mempraktikkan untuk mendapatkan cara bermain dengan baik. Seramai 80 orang respondent ahu bermain peralatan gendang Pahang dengan baik iaitu sebanyak 32.0% daripada jumlah responden yang menjawab soal selidik tersebut.

**12. Saya pernah mengkaji tentang permainan gendang Pahang**

	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	20	8.0
Tidak Setuju	172	68.8
Setuju	50	20.0
Sangat Setuju	8	3.2
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.16**




**Carta 4.3.16**

Jadual 4.3.16 menunjukkan kenyataan bahawa adakah responden pernah mengkaji tentang kesenian gendang Pahang. Seramai 172 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu sebanyak 68.8% .Seramai 58 orang responden pernah mengkaji tentang kesenian gendang Pahang. Namun begitu, jumlah keseluruhan responden yang tidak pernah mengkaji tentang warisan kesenian gendang Pahang tetap tertinggi iaitu seramai 192 orang responden .

**13. Saya sering melibatkan diri dalam permainan Gendang Pahang**

	Kekerapan	Peratusan
Tidak Setuju	128	51.2
Setuju	122	48.8
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.17**




**Carta 4.3.17**

Jadual 4.3.17 menunjukkan keterlibatan responden terhadap warisan kesenian gendang Pahang. Terdapat dua kemungkinan yang dinyatakan dalam jadual tersebut iaitu sering terlibat dan tidak pernah terlibat. Seramai 128 orang responden menyatakan bahawa mereka sering terlibat dengan permainan gendang Pahang, manakala sebanyak 48.8% responden tidak pernah terlibat dalam permainan gendang Pahang tersebut bersamaan dengan 122 orang responden yang tidak pernah terlibat dengan warisan kesenian gendang Pahang.

**14. Warisan Kesenian Gendang Pahang sesuai untuk semua lapisan usia**

	Kekerapan	Peratusan
Tidak Setuju	12	4.8
Setuju	167	66.8
Sangat Setuju	71	28.4
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.18**




**Carta 4.3.18**

Jadual 4.3.18 menunjukkan kenyataan bahawa adakah warisan kesenian gendang Pahang sesuai dengan semua lapisan masyarakat. Sebanyak 67% responden bersetuju dan ditambah pula sebanyak 28% responden yang sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini kerana permainan gendang Pahang tidak hanya dihadkan kepada golongan umur yang tertentu sahaja, malah semua golongan lapisan masyarakat dapat melibatkan diri dalam permainan tersebut.

**15. Permainan Gendang Pahang digalakkan dalam kalangan masyarakat di negeri Pahang**

	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	2	.8
Tidak Setuju	64	25.6
Setuju	144	57.6
Sangat Setuju	40	16.0
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.19**




**Carta 4.3.19**

Jadual 4.3.19 merujuk kepada pernyataan bahawa warisan kesenian gendang Pahang digalakkan dalam kalangan penduduk di negeri Pahang. Dalam carta di atas kita dapat saksikan bahawa seramai 58% responden menyatakan bahawa mereka beersetuju untuk kenyataan tersebut dan jumlah ini adalah paling tinggi bagi penerimaan data tentang soalan tersebut. Oleh itu, kita dapat nyatakan bahawa warisan gendang Pahang juga digalakkan dalam kalangan penduduk di negeri Pahang.

**16. Terdapat pelbagai irama dan lagu yang dapat dimainkan dalam permainan Gendang Pahang**

	Kekerepan	Peratusan
Tidak Setuju	32	12.8
Setuju	183	73.2
Sangat Setuju	35	14.0
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.20**




**Carta 4.3.20**

Jadual 4.3.20 menunjukkan kenyataan bahawa terdapat pelbagai irama gendang yang dimainkan dalam permainan gendang Pahang. Seramai 183 orang responden yang bersetuju dengan kenyataan berikut dan dijumlahkan bersama responden yang sangat bersetuju dengan kenyataan berikut iaitu seramai 35 orang responden bersamaan dengan 14.0% responden yang sangat bersetuju. Jumlah selebihnya iaitu seramai 332 orang responden iaitu 12.8% menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju bahawa terdapat pelbagai irama dan lagu dalam warisan kesenian gendang Pahang.

**17. Keluarga saya turut terlibat dengan permainan gendang Pahang**

	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	19	7.6
Tidak Setuju	103	41.2
Setuju	105	42.0
Sangat Setuju	23	9.2
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.21**




**Carta 4.3.21**

Jadual 4.3.21 menunjukkan keterlibatan keluarga dalam kesenian gendang Pahang. Seramai 103 orang responden iaitu sebanyak 41.2% responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Namun begitu, jumlah responden yang bersetuju tidak jauh beza dengan responden yang tidak bersetuju iaitu seramai 105 orang responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu sebanyak 42.0% daripada jumlah 100% responden yang ditemui.

**18. Pihak sekolah turut mengadakan bengkel permainan Gendang Pahang di tempat saya**

	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	43	17.2
Tidak Setuju	176	70.4
Setuju	29	11.6
Sangat Setuju	2	.8
Total	250	100.0

**Jadual 4.3.22**



**Carta 4.3.22**

Jadual 4.3.22 menunjukkan keterlibatan pihak sekolah dalam mengadakan bengkel permainan gendang Pahang di sekolah. Seramai 43 orang responden iaitu sebanyak 17.2% responden sangat bersetuju. Hal ini disebabkan oleh sekolah mereka mempunyai bengkel tersebut. Seramai 176 orang responden iaitu sebanyak 70.4% responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan ini merupakan jumlah tertinggi dalam jadual tersebut.

Manakala diikuti dengan bilangan responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu seramai 29 orang iaitu 11.6% dan terdapat 2 orang responden yang sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut.

### **Dapatan Kajian daripada Informan yang ditemui**

Menurut Hairul Azhar yang merupakan ahlijawatankuasa kesenian gendang Pahang, beliau telah menyatakan bahawa untuk mengetahui secara asas itu adalah gendang Pahang, masyarakat dapat mengetahui dengan cara melihat peralatan yang dimainkan iaitu oleh pemain gendang Pahang iaitu terdapat tiga peralatan yang digunakan semasa gendang Pahang dimainkan iaitu :

1. gong/tetawak
2. gendang ibu
3. gendang anak

Selain itu juga, beliau menyatakan bahawa gendang Pahang mempunyai pelbagai kategori lagu. Terdapat tiga kategori lagu yang telah dinyatakan oleh Encik Azhar iaitu:

1. lagu silat
2. lagu selingan
3. gendang perang

Melalui lagu silat, permainan gendang Pahang akan memainkan rentak lagu silat di mana ia berlaku semasa pertandingan silat ataupun persembahan silat oleh beberapa orang individu. Lagu silat dimainkan mengikut tingkah lagunya tersendiri.

Tingkah silat juga berbeza dengan kategori lagu yang lain kerana lagu silat mempunyai bunyi yang diikuti dengan pergerakan pesilat itu sendiri.

Pesilat akan melakukan pergerakan silat mereka mengikut lengguk lagu yang dimainkan oleh pemain gendang. Melalui ada pula, semasa bermain gendang Pahang, individu yang memainkan gendang haruslah menjaga cara pemakaian iaitu mestilah sopan dan selesa bagi melakukan pergerakan semasa memainkan gendang tersebut.

Melalui gendang selingan pula, lagu gendang selingan hanya dimainkan semasa sesuatu mejlis sedang menunggu ketibaan mahupun majlis santapan bagi majlis seperti perkahwinan dan sebagainya. Hal ini kerana lagu gendang selingan telah mengalunkan bunyi yang perlahan dan sedap didengar oleh orang ramai dan lebih santai.

Kategori gendang perang perang pula, alunan yang dikeluarkan oleh gendang tersebut adalah kuat dan laju. Keadaan ini berlaku semasa perlumbaan dan pertandingan permainan gendang. Mereka bersaing untuk mendapatkan bunyi yang baik dan tangkas semasa memainkan peralatan gendang tersebut.

Menurutnya lagi, setiap lagu mempunyai sinopsis ceritanya tersendiri. Asal usul terjadinya lagu-lagu gendang tersebut adalah berdasarkan ceritanya tersendiri oleh masyarakat pada zaman terdahulu dan menjadi buah mulut sehingga diketahui oleh masyarakat kini. Hal ini juga menyebabkan warisan turun temurun gendang Pahang dapat dikekalkan. Beliau juga berharap agar lebih ramai masyarakat pada masa kini untuk sama-sama menglibatkan diri dalam kesenian terutamanya kesenian yang melibatkan warisan seperti contoh warisan kesenian gendang Pahang ini sendiri.

Menurut informan kedua pula iaitu Mohd Rahmad Bin Zainal Abidin telah menyatakan bahawa kesenian Gendang Pahang berbeza kegunaannya pada masa dahulu dan kini oleh kerana peredaran masa yang telah dihadapi. Masyarakat pada zaman dahulu memainkan gendang Pahang ini di majlis keramaian diraja sahaja. Kerana hanya golongan di raja mampu mempunyai peralatan tersebut dan di jaga peralatan tersebut kerana dipercayai mempunyai semangat dalam menghiburkan tetamu yang hadir.

Namun, pada masa kini permainan gendang Pahang di dalam majlis keramaian seperti kenduri perkahwinan, majlis pembukaan dan sebagainya. Pada masa kini juga, permainan gendang Pahang boleh dimainkan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Selain itu, masyarakat kini lebih cekap dan pandai dalam memajukan sesuatu kesenian. Hal ini mereka telah mengambil inisiatif untuk mengadakan pertandingan permainan gendang Pahang yang melibatkan semua peringkat umur. Hal ini dapat menarik minat generasi kini untuk cenderung bermain gendang Pahang.

Pelbagai usaha yang dijalankan oleh badang kerajaan seperti JKKN Pahang bagi memperkenalkan kesenian gendang Pahang, namun belum cukup tersebar ke seluruh negeri. Mungkin kerana beberapa faktor yang menyebabkan informasi tersebut tidak meluas seperti cara penyampaian yang kurang berkesan oleh pihak JKKN itu sendiri.

Kekurangan masyarakat kini bermain permainan tradisional seperti gendang Pahang ini adalah kerana masyarakat kini cenderung kepada muzik moden yang memonopoli dunia kini yang mana mereka senang untuk mendapatkan permainan tersebut seperti permainan yang memerlukan individu memuat naik melalui media sosial memandangkan dunia kini

memaksa setiap individu mempunyai telefon bimbit dan internet dan mudah di akses. Hal ini juga merupakan faktor masyarakat tidak mengenali warisan kesenian gendang Pahang.

Menurut informan Mohd Ghazali Bin Md Lias, beliau telah berpendapat bahawa kesenian gendang Pahang perlu dikekalkan kerana ia merupakan salah satu seni permainan tradisional yang tinggal di negeri Pahang.

Masyarakat kini perlu tahu akan kewujudan kesenian gendang Pahang untuk dikekalkan kepada generasi akan datang. Hal ini kerana warisan perlu di jaga untuk ditunjukkan kepada generasi akan datang. Menurutnya lagi, generasi kini hanya memandangkan sesuatu kesenian warisan tersebut sebagai hiburan dan tidak mengambil pendekatan untuk bermain dan mempelajari permainan tersebut. Generasi kini juga turut berpandangan bahawa setiap warisan kesenian hanya dijaga oleh masyarakat yang sudah tua, oleh itu mereka kurang mengambil pendekatan tersebut untuk lebih mempelajari kesenian tersebut. Hal ini menyebabkan mereka kurang cakna dengan apa yang berlaku dalam kesenian yang perlu diwarisi oleh mereka.

Menurutnya lagi, individu yang tahu bermain permainan tradisional gendang Pahang seperti orang dewasa yang mengetahui serba sedikit tentang gendang Pahang adalah digalakkan untuk mengambil inisiatif sendiri dalam menjaga dan mengekalkan kesenian tersebut agar tidak terus dilupakan masyarakat kini.

Informan juga berharap agar warisan ini dijaga dengan penuh tertib kerana jika hilang satu antaranya, maka warisan tersebut tidak lagi asli dan adalah sangat rugi bagi masyarakat akan datang.

#### **4.4 Rumusan**

Semua maklumat dapat dikumpul dengan baik dan penyelidik berpuas hati dengan data yang dikumpul memandangkan responden dan informan telah memberikan kerjasama yang baik semasa penyelidikan dijalankan. Kesemua data mentah yang diperolehi oleh penyelidik telah di olah agar susunan ayat menjadi lebih teratur dan mudah difahami. Hal ini kerana, penyelidik telah menemuramah beberapa orang responden yang merupakan penduduk kampung yang pelbagai latarbelakang.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Kesimpulan**

Persepsi masyarakat adalah berbeza antara satu sama lain. Hal ini menyebabkan apa yang dilihat oleh setiap individu terhadap suatu perkara adalah berbeza bergantung kepada sudut penglihatan mereka tentang sesuatu perkara itu. Namun begitu, individu yang lain tidak boleh menafikan pendapat individu lain kerana ia merupakan pendapat masing-masing dan perlu dihormati.

Melalui persepsi masyarakat terhadap kesenian gendang Pahang, terdapat ramai individu menyatakan bahawa mereka kurang pendedahan terhadap warisan Kesenian gendang Pahang oleh kerana warisan tersebut semakin hilang dan pupus disebabkan oleh arus pemodenan kini.

Kegunaan gendang Pahang kini mengalami banyak perubahan kerana pada dahulunya, gendang Pahang hanya dimainkan oleh golongan bangsawan dan golongan istana sahaja memandangkan hanya golongan tersebut yang mampu memiliki peralatan muzik tersebut, namun pada masa kini gendang Pahang telah dimainkan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira darjat mahupun latarbelakang seseorang individu.

## **5.2 Cadangan**

### **5.2.1 Cadangan kepada Organisasi**

Penyelidik telah menyediakan beberapa cadangan bagi kajian kali ini iaitu antaranya adalah masyarakat dan penduduk kawasan tersebut boleh mengadakan bengkel di setiap daerah di negeri Pahang melalui badan bukan kerajaan seperti Rakan Muda bagi membuka mata masyarakat terhadap kepentingan warisan Kesenian Gendang Pahang. Selain itu, dengan adanya bengkel tersebut, masyarakat dapat turut serta melibatkan diri dalam organisasi kesenian tersebut.

Penyelidik turut mencadangkan agar pihak bertanggungjawab memberikan pendedahan awal kepada anak kecil tentang kewujudan gendang Pahang terutamanya oleh ibu bapa kanak-kanak tersebut.

### **5.2.2 Cadangan kepada penyelidik akan datang**

Cadangan kepada penyelidik pada masa akan datang adalah supaya dapat membuat buku tentang warisan kesenian gendang Pahang dengan lebih jelas dan terperinci untuk diedarkan ke seluruh negeri Pahang. Hal ini dapat memberi pengetahuan yang jelas kepada masyarakat akan datang.

## SENARAI RUJUKAN

### BUKU

Abdul. A. S. *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia* Pulau Pinang, Malaysia. Universiti Sains Malaysia.

Kasniza. G. (1979). *Gestalt. Organization in Version: gibsonian. Essays on Gestalt Perception.* New York: Prentice Hall

Lestari. A. A (2014). *Persepsi Masyarakat Terhadap Kesenian Tradisional “Andhe-andhe Lumut”* Di Dusun Kepil, Desa Putat, Kecamatan Patuk, Kabupaten Gunung Kidul.

Mohd Sahid. M. Z. (1998). *Adat Resam Perkahwinan Masyarakat Negeri Sembilan* (Sumber : Unit Pemuliharaan dan Penyelidikan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan)

Nasruddin. M. G (1989). *Muzik Melayu Tradisi.* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka)

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2010). *Garis panduan perancangan pemuliharaan dan pembangunan KSAS: warisan semula jadi dan antikuiti.* Malaysia:

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Jabatan Perdana Menteri (2013). *Laporan tahunan 2012.* Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Warisan Negara (2012). *Soalan Lazim.* Dicapai dari <http://www.heritage.gov.my/index.php/ms/media/video-korporat-jwn/201>

Jain, D. (2013). Visitors' perception of destination image – a case study of J&K tourism. *Prestige International Journal of Management & IT*, 2(1), 91-113.

Jamieson, W. (1998). Cultural heritage tourism planning and development: defining the field and its challenges. *APT Bulletin*, 29(3/4), 65-67.

Jasmi, K. A. (2012). *Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial.* Dicapai dari [http://eprints.utm.my/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012\\_PenyelidikanKual](http://eprints.utm.my/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012_PenyelidikanKual)

Soekmono. R. (1990). *Pengantar Sejarah Kebudayaan Indonesia.* ( Yogyakarta : Penerbit Kanisius)

Schermerhorn, J. R., Hunt, J. G., & Osborn, R. N. (2002). *Organizational behavior* (edisi ke-8). USA: John Wiley & Sons.

## **INTERNET**

Peta daerah dicapai melalui [www.mdmaman.gov.my/latar-belakang](http://www.mdmaman.gov.my/latar-belakang)

Peta Jerantut dicapai melalui [akuanakpahang.blogspot.my](http://akuanakpahang.blogspot.my)

Gambar rajah gendang Pahang dicapai melalui laman web [www.gendangpahang/permainan-tradisional/melayu](http://www.gendangpahang/permainan-tradisional/melayu)

Gambar rajah gong ketawak dicapai dari carian internet [gong-gambar/ketawak](http://gong-gambar/ketawak)

Peta Pahang dicapai melalui


[Pdtmaman.pahang.gov.my/index.php/en/profil-daerah/latar-belakang/peta-keluasan](http://Pdtmaman.pahang.gov.my/index.php/en/profil-daerah/latar-belakang/peta-keluasan)

### **Senarai Informan**

1. Nama: Mohd Rahmad Bin Zainal Abidin  
Pekerjaan: Bertani  
Tempat Tinggal: Kampung Durian Hijau Jerantut  
Penglibatan: Pesilat Seni Silat di Pahang, ahli persatuan gendang Pahang.
  
2. Nama: Hairul Azhar Bin Abdullah Nasib  
Pekerjaan: pemandu  
Tempat Tinggal Kampung Durian Hijau Jerantut  
Penglibatan: membuka bengkel warisan kesenian gendang Pahang
  
3. Nama: Mohd Ghazali Bin Md Lias  
Pekerjaan: Pembantu Makmal Sekolah  
Tmpat Tinggal: Maran, Pahang  
Penglibatan: Ahli Seni Silat Gayung Laksamana Malaysia.



**Gambar Bentuk Ibu dan Anak gendang Pahang**



**Gambar Bentuk Gong / Ketawak**

**Lampiran 2**



**Informan sedang menunjukkan bagaimana cara bermain tetawak/ gong**



**Permainan gendang Pahang**



Universiti Malaysia Sarawak (**UNIMAS**)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (WA11)

Tajuk Kajian :

***Persepsi Masyarakat Terhadap Warisan Kesenian Gendang Pahang***

Borang Soal Selidik

Di sediakan oleh :

**Noor Fatin Hanani Bt Mohd Ghazali**

**Projek Penyelidikan Tahun Akhir (2015/2016)**

---

**Perhatian :**

Borang soal selidik ini diedarkan adalah bertujuan untuk mengkaji Persepsi masyarakat terutamanya terhadap Warisan Kesenian Gendang Pahang. Borang ini hanya digunakan untuk kajian semata-mata. Oleh itu, anda di minta untuk menjawab kesemua soalan-soalan yang dikemukakan dengan jujur dan ikhlas. Kerjasama anda amatlah dihargai dan diiringi ucapan terima kasih.

---

Borang soalan ini mengandungi dua (3) muka surat hadapan dan meliputi 2 bahagian secara keseluruhannya. Bahagian A adalah maklumat demografi responden dan bahagian B adalah persepsi masyarakat terhadap Warisan Kesenian Gendang Pahang. Segala maklumat yang diperolehi adalah sulit dan ia adalah untuk kegunaan akademi sahaja.

## BAHAGIAN A : DEMOGRAFI

Sila tandakan ( / ) pada kotak yang berkaitan.

1. Jantina

Perempuan

Lelaki

2. Bangsa

Melayu

Cina

India

Lain-lain

3. Umur

20 tahun ke bawah

41 – 50 tahun

21 - 30 tahun

51 – 60 tahun

31 – 40 tahun

60 tahun ke atas

4. Pekerjaan

Bekerja

Tidak Bekerja

**BAHAGIAN B : PERSEPSI GOLONGAN BELIA TERHADAP INDUSTRI KRAF TEMBAGA**

Arahan : Sila tandakan ( / ) pada kotak jawapan yang disediakan.

1	2	3	4
<b>SANGAT TIDAK SETUJU</b>	<b>TIDAK SETUJU</b>	<b>SETUJU</b>	<b>SANGAT SETUJU</b>

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>
1	Saya mengetahui apa itu Warisan Kesenian Gendang Pahang?				
2	Saya mudah untuk mengetahui dan memperolehi maklumat berkaitan dengan Warisan Kesenian Gendang Pahang?				
3	Sebagai generasi kini, saya berminat untuk menceburi bidang kesenian Gendang Pahang?				
4	Kekurangan generasi muda melibatkan diri dalam kesenian Gendang Pahang menyumbang kepada kemunduran Kesenian tersebut. saya setuju dengan pendapat itu.				
5	Golongan muda lebih memilih kesenian muzik yang lebih moden berbanding muzik tradisional.				
6	Kurangnya pusat latihan kemahiran permainan alatan muzik gendang menyebabkan masyarakat kurang mengetahui tentang kewujudan Warisan Kesenian Gendang Pahang.				
7	Warisan kesenian gendang Pahang boleh terkenal ke seluruh negara dan diangkat sebagai permainan tradisional.				
8	Penduduk di negeri Pahang mengetahui tentang kewujudan Warisan Kesenian Negeri Pahang.				
9	Warisan Kesenian Gendang Pahang adalah satu cara mengeratkan hubungan silaturrahim.				

10	Permainan gendang Pahang kebiasaannya dimainkan ketika majlis perkahwinan dan keramaian.				
11	Saya boleh bermain alatan Gendang Pahang dengan baik				
12	Saya pernah mengkaji tentang permainan gendang Pahang				
13	Saya sering melibatkan diri dalam permainan Gendang Pahang				
14	Warisan Kesenian Gendang Pahang sesuai untuk semua lapisan usia				
15	Permainan Gendang Pahang digalakkan dalam kalangan masyarakat di negeri Pahang				
16	Terdapat pelbagai irama dan lagu yang dapat dimainkan dalam permainan Gendang Pahang				
17	Keluarga saya turut terlibat dengan permainan gendang Pahang				
18	Pihak sekolah turut mengadakan bengkel permainan Gendang Pahang di tempat saya				

- SEKIAN TERIMA KASIH -